



SEMINAR QIROAT **Dari Riwayah Ke Dirayah**

Tarikh :
24 Januari 2026 (Sabtu)

Masa :
8.30 am - 5.30 pm

Tempat :
Hotel Mardhiyyah, Shah Alam

Kertas Kerja Pertama

**“ILMU QIROAT: PERKEMBANGAN DARI RIWAYAH KE DIRAYAH
DAN KEPENTINGAN ILMU QIRAAT DALAM PENGAJIAN AL-QURAN”**

Oleh

**Prof.Madya Dr.Khairul Anuar Mohamad
FPQS, USIM**

**Ilmu Qiraat: Perkembangan Dari Riwayah Ke Dirayah Dan Kepentingan ilmu
Qiraat Dalam Pengajian Al-Quran
Oleh
PM Dr Khairul Anuar Mohamad
FPQS, USIM**

PENDAHULUAN

Ilmu Qiraat sebagai “Riwayah dan Dirayah” bermaksud menghimpunkan antara pengambilan secara lisan dan bersemuka daripada para guru (riwayah) dengan aplikasi praktikal yang disertai pemahaman terhadap kaedah-kaedah teori (dirayah). Riwayah ialah pemindahan secara mutawatir tentang cara pelaksanaan dan sebutan bacaan seperti Riwayat Hafis daripada ‘Asim. Manakala dirayah ialah pengetahuan tentang asas dan kaedah tajwid yang bersifat piawai serta ijtihad-ijtihad yang diiktiraf, yang diberi pilihan kepada pembaca seperti wajah-wajah mad ‘arid li al-sukun. Menggabungkan kedua-duanya dianggap sebagai kesempurnaan penguasaan, dengan keutamaan diberikan kepada dirayah dari sudut kefahaman dan pengistinbatan wajah-wajah bacaan.

Riwayah (Penerimaan dan Talaqqi Secara Lisan) Definisi: Iaitu pengambilan secara langsung daripada guru melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, dengan sanad yang bersambung hingga kepada Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan pemindahan cara sebutan dan pelaksanaan bacaan sebagaimana yang diterima oleh seorang qari. Contoh: Riwayat Hafis daripada ‘Asim, iaitu pemindahan cara bacaan yang diwarisi daripada ‘Asim, dan wajib ke atas pembaca untuk menguasainya serta beriltizam dengannya.

Dirayah (Kaedah dan Kefahaman) Definisi: Iaitu pengetahuan tentang kaedah dan prinsip umum dalam ilmu Qiraat seperti usul setiap imam dan perawi serta tahrirat. Selain itu Qiraat Dirayah juga adalah tentang perkembangan ilmu Qiraat, tokoh-tokoh yang menjadi rujukan dalam ilmu Qiraat, kitab-kitab rujukan dalam ilmu Qiraat dan segala istilah dalam ilmu ini.

Sejarah Bermula Qiraat dengan Tujuh Huruf

“Sesungguhnya Nabi ﷺ berada di kawasan Bani Ghifar, lalu datang kepadanya Jibril AS dan berkata: Sesungguhnya Allah memerintahkan engkau supaya menyuruh umatmu membaca al-Quran dengan satu huruf. Maka baginda bersabda: Aku memohon kepada Allah kemaafan dan keampunan-Nya; sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan demikian. Kemudian Jibril datang kali kedua dan berkata: Sesungguhnya Allah memerintahkan engkau supaya menyuruh umatmu membaca al-Quran dengan dua huruf. Baginda bersabda: Aku memohon kepada Allah kemaafan dan keampunan-Nya; sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan demikian. Kemudian Jibril datang kali ketiga dan berkata: Sesungguhnya Allah memerintahkan engkau supaya menyuruh umatmu membaca al-Quran dengan tiga huruf. Baginda

bersabda: Aku memohon kepada Allah kemaafan dan keampunan-Nya; sesungguhnya umatku tidak mampu melakukan demikian. Kemudian Jibril datang kali keempat dan berkata: Sesungguhnya Allah memerintahkan engkau supaya menyuruh umatmu membaca al-Quran dengan tujuh huruf. Maka dengan mana-mana huruf yang mereka baca daripadanya, mereka adalah benar.” (Riwayat Muslim)

MAKSUD PENURUNAN QURAN DENGAN TUJUH HURUF

Huruf dalam bahasa Arab adalah jama' dari kalimah (حَرْف) dan harf ini mempunyai maksud yang banyak di antaranya ialah hujung, tepi, dan jika untuk bukit ia adalah puncaknya, huruf hija'iyah, unta yang kurus juga dipanggil harf. Bagi ulama tatabahasa Arab pula, ia bermaksud tidak untuk kata nama atau kata kerja. Firman Allah SWT:

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَن يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَى حَرْفٍ﴾

Maksudnya: Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap (Quran. Surah al-Hajj: 11).

Iaitu menyembah Allah SWT dalam satu sudut sahaja, iaitu ketika dalam kesenangan, tetapi apabila menimpa kesusahan atau merasa syak atau tidak tenang dengan sesuatu urusan, mereka tidak berpegang kepada agama. Maksud sabda Rasulullah SAW: (إِنَّ هَذَا) ialah sesungguhnya Quran diturunkan dengan Tujuh Huruf, iaitu dengan tujuh lughah (bahasa). Ini bukan bermaksud setiap huruf Quran terdapat tujuh wajah bacaan meskipun terdapat tujuh, sepuluh atau lebih dari itu, tetapi maksudnya ialah lughah yang tujuh dalam Quran. Kalimah (عَلَى) dalam sabdanya di atas membawa maksud kepada keluasaan dan keringanan, iaitu dalam bentuk memberi kelonggaran kepada pembaca Quran untuk membaca mana-mana huruf yang dikehendakinya.

Hadis di atas bukan bermaksud setiap kalimah mesti dibaca dengan tujuh wajah bacaan, kalaulah ia diwajibkan sudah tentu Rasulullah SAW bersabda (إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ) dengan membuang kalimah (عَلَى). Tetapi hadis di atas memberi maksud wajah ikhtilaf tidak melebihi tujuh wajah meskipun berbilang qiraat dan turuqnya dalam satu kalimah melebihi tujuh atau sepuluh. Kalimah (مَلِكِ يَوْمَ الدِّينِ) terdapat bacaan dengan beberapa turuq sehingga melebihi tujuh. Kalimah (وَعَبْدَ الطُّغُوتِ) terdapat bacaan sehingga dua puluh dua bacaan (al-Sakhāwi. 1997).

PANDANGAN DALAM MAZHAB TERPILIH

Dalam memilih pandangan ulama berkaitan maksud tujuh qiraat, az-Zarqāni, Muhammad (1988) dalam kitabnya “*Manāhil al-Irfān fi Ulūm al-Quran*” memilih pandangan yang dikemukakan oleh al-Imam Abu al-Fadhl ar-Razi, iaitu tujuh huruf bermaksud seperti berikut:

a. **Berbeza al-Asma'** (kata benda) bagi bilangan satu, dua dan *jama'* atau *tazkir* dan *ta'nith*, seperti firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ﴾

Maksudnya: Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya (Quran. Surah al-Mukminun: 8)

Ayat tersebut (أَمَانَاتِهِمْ) dibaca dengan *jama'* dan *mufrad*, iaitu (أَمَانَاتِهِمْ).

b. **Berbeza tasrif af'al** (perubahan bentuk kata kerja) iaitu *madhi* (lampau), *mudhari'* (sekarang dan masa mendatang) dan *amr* (kata suruh), seperti firman Allah SWT:

﴿فَقَالُوا رَبَّنَا بَعِدَ بَيْنَ أَسْفَارِنَا وَظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ فَجَعَلْنَا لَهُمْ أَحَادِيثَ﴾

Maksudnya: Maka kemakmuran dan kemudahan itu menjadikan mereka sombong dan kufur) lalu berkata, "wahai Tuhan kami, jauhkanlah jarak perjalanan Kami (di antara sebuah bandar Dengan Yang lain) ", dan mereka berlaku zalim kepada diri mereka sendiri; lalu Kami jadikan (kisah perbuatan derhaka) mereka: buah mulut orang ramai (Quran. Surah Saba': 19)

Ada *qiraat* yang membaca dengan nasab (رَبَّنَا) kerana *munāda* (panggilan) dan lafaz (بَاعِدْ) adalah *fi'l amr*. Ini adalah *maqam* permintaan dan doa kepada Allah SWT. *Qiraat* kedua pula ialah (رَبَّنَا بَعِدْ), iaitu baris hadapan pada (رَبُّ) kerana *mubtada* (awal kata) dan lafaz (بَعِدْ) adalah *fi'l madhi mudha'af 'Ain*.

c. **Berbeza wujuh al-'irab**, seperti firman Allah SWT

﴿وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ﴾

Dibaca dengan (ر) pada (يُضَارَّ) berbaris di atas dan terdapat *qiraat* membaca dengan baris di hadapan. Berbaris di atas kerana (لَا) sebelumnya adalah (لَا نَاهِيَةٌ). Adapun berbaris di hadapan kerana (لَا نَافِيَةٌ).

d. **Berbeza dengan sebab naqs (kurang) dan ziyadah (tambahan)**, seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Lail ayat 3:

﴿وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى﴾

Ayat ini juga dibaca dengan (وَالذَّكَرَ وَالْأُنثَى), iaitu dengan membuang kalimah (مَا خَلَقَ).

e. **Berbeza dengan taqdīm (diawalkan) atau ta'khir (diakhirkan)** ini, seperti firman Allah SWT dalam Surah Qaf ayat 19:

﴿وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ﴾

la juga dibaca dengan (وَجَاءَتْ سَكْرَتُ الْحَقِّ بِالْمَوْتِ).

f. **Berbeza dengan ibdal (pergantian)**, seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 259:

﴿وَأَنْظِرْ إِلَى الْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِرُهَا﴾.

Terdapat juga qiraat yang membaca dengan (نُنشِرُهَا), iaitu dengan huruf (ر).

g. **Berbeza lughat** seperti *al-Fath, al-Imalah, al-Tarqiq, al-Tafkhim, al-Izhar, al-Idham* dan seumpamanya. Jika dipersoalkan kenapakah pandangan al-Razi ini dipilih untuk makna tujuh huruf? Menjawab persoalan tersebut, perlu ketahui hujah yang dijadikan sandaran, di antaranya ialah:

- i. Ia dikuatkan dengan sepuluh hadis yang sebahagiannya disebut pada permulaan tajuk ini.
- ii. Pandangan ini berdasar kepada kajian yang menyeluruh bagi meraikan *ikhtilaf al-qiraat* (perbezaan bacaan) berbanding dengan pandangan lain yang terdapat kekurangan atau dihukum sebagai kurang.

Pendapat Imam Abu al-Fadhl al-Razi makna Tujuh Huruf

Menurut Dr Wahbah al-Zuhaili Tujuh Huruf ialah tujuh lughah yang masyhur ketika al-Quran diturunkan iaitu lughah Quraisy, Huzail, Tamim, al-Azd, Rubiah, Hawazin dan Sa'ad Ibn Bakr. Itulah lughah yang masyhur dan yang rajih. Tujuh Huruf bukan tujuh Qiraat atau sepuluh Qiraat kerana ia mula berkembang pada zaman Tabien dan masyhur penggunaannya pada kurun keempat selepas terbitnya kitab al-Qiraat yang dikarang oleh Ibn Mujahid.

Pendapat al-Zuhaili di atas sama dengan pendapat Dr Fadl Hasan Abbas. Mereka sebenarnya memilih pendapat Imam al-Tabari yang menyatakan bahawa Tujuh Huruf ialah tujuh lughah arab yang masyhur. Dalam satu kalimah berbeza lafaz tetapi mempunyai makna yang sama. Seperti kalimah *أقبل-هلم-تعال-نحوي-قصدى-قربى-إلى* semua kalimah tersebut mempunyai satu makna sahaja iaitu datang kepada ku. Al-Tabari menyatakan bahawa ikhtilaf pada Tujuh Huruf ialah ikhtilaf pada lafaz dan ittifaq pada makna bukan ikhtilaf pada makna yang akan membawa kepada ikhtilaf pada hukum.

Pendapat yang masyhur juga ialah al-Quran diturunkan dengan tujuh lughah yang berbeza. Sebahagiannya dengan lughah Quraisy, sebahagiannya dengan lughah Huzail, sebahagiannya dengan Hawazin dan sebahagiannya dengan lughah Yaman. Jika dihitungkan kesemua lughah dalam Quran ia adalah tujuh lughah. Pendapat ini berbeza dengan sebelumnya dengan maksud setiap kalimah tidak mempunyai tujuh lafaz.

Penulisan Mushaf Zaman Uthman Ibn Affan RA

Dan kata Imam al-Sakhāwī: “Sesungguhnya sebahagian golongan menuduh ‘Uthmān r.a. dengan sangkaan yang batil, iaitu kononnya beliau telah mengubah Kitab Allah dengan memasukkan sesuatu yang bukan daripadanya, atau mengeluarkan sesuatu daripadanya, ataupun menganggap bacaan al-Quran berdasarkan makna (bukan lafaz) itu dibenarkan.

Sedangkan perbuatan ‘Uthmān r.a. menghimpunkan al-Quran adalah dengan menghimpunkan seluruh wajah (varian) daripada tujuh huruf. Beliau berkata: ‘Dan apa yang dilakukan oleh Sayyidina ‘Uthmān r.a. itu bukanlah kerana memasukkan sesuatu yang bukan daripada apa yang diturunkan oleh Allah lalu menjadikannya sebagai Kitab Allah, dan bukan juga kerana menggugurkan lafaz al-Quran yang diturunkan dengan

maknanya. Tidak mengapa dengan hal tersebut. Maka apabila mushaf-mushaf telah ditulis dan diperintahkan supaya membaca berdasarkan apa yang ada di dalamnya, tidak lagi memungkinkan bagi sesiapa daripada mereka untuk melakukan apa yang pernah mereka lakukan sebelum itu.”

KEPENTINGAN ILMU QIRAAT

1. Ilmu Qiraat Menjelaskan Kemukjizatan al-Quran

Sesungguhnya kepelbagaian qiraat merupakan satu keistimewaan khusus bagi al-Quran al-Karim, dan ia tidak terdapat dalam mana-mana kitab samawi yang lain. Kepelbagaian bacaan bagi satu ayat yang sama menjadi bukti kemukjizatan al-Quran. Hal ini demikian kerana walaupun terdapat pelbagai bentuk bacaan bagi satu ayat, setiap makna yang dibawa oleh sesuatu qiraat tidak bercanggah dan tidak bertentangan dengan makna yang dibawa oleh qiraat yang lain, bahkan makna-makna tersebut saling membenarkan antara satu sama lain. Keadaan ini menjadi dalil bahawa al-Quran adalah daripada Allah Taala. Selain itu, qiraat sepuluh yang mutawatir serta apa yang terkandung di dalamnya daripada aspek balaghah, keindahan bahasa dan keringkasan lafaz mempunyai faedah yang sangat besar dari sudut keluasan makna dengan lafaz yang ringkas. Setiap qiraat seolah-olah berada pada kedudukan satu ayat tersendiri, dan ini merupakan satu lagi bentuk kemukjizatan al-Quran, di mana satu ayat dengan kepelbagaian lafaznya merangkumi banyak makna.

2. Ilmu Qiraat Berkait dengan Banyak Ilmu yang Bermanfaat

Ilmu qiraat membolehkan para pelajarnya memahami dan menguasai banyak ilmu yang bermanfaat. Justeru, penuntut dan pengkaji ilmu ini akan memperoleh pelbagai pengetahuan dan disiplin ilmu, antaranya:

a. Ilmu Tarajim dan al-Qurra'

Ilmu ini mengkaji biografi para qari dan perawi, serta meneliti sanad bagi setiap qiraat dan para perawi yang meriwayatkannya.

b. Ilmu Rasm al-Mushaf al-Syarif

laitu ilmu yang membincangkan kaedah penulisan mushaf yang digunakan pada zaman Sayyidina Uthman رضي الله عنه.

c. Ilmu Taujih al-Qiraat

laitu ilmu yang mengkaji hujah dan justifikasi qiraat dari sudut morfologi (şarf), nahu dan linguistik.

d. Ilmu Tajwid

laitu ilmu yang membincangkan makhraj huruf, sifat-sifatnya serta hukum-hukum yang berkaitan dengannya.

3. Ilmu Qiraat Membezakan Antara al-Quran dan Bukan al-Quran

Melalui ilmu qiraat, seorang Muslim dapat mengetahui qiraat yang sah dan mutawatir daripada Nabi صلى الله عليه وسلم serta membezakan qiraat yang syaz. Dengan pengetahuan ini, dapat dibezakan bacaan yang boleh dijadikan ibadah dan bacaan yang tidak dibenarkan untuk diamalkan sebagai ibadah. Oleh itu, ilmu qiraat merupakan benteng yang kukuh dalam memelihara lafaz-lafaz al-Quran daripada penyelewengan dan perubahan.

4. Kepentingan Ilmu Qiraat dalam Tafsir

Ilmu qiraat mempunyai kepentingan yang besar dalam bidang tafsir. Seorang mufassir akan meneliti ayat al-Quran berdasarkan kepelbagaian qiraat yang diriwayatkan, dan hal ini dapat meluaskan makna-makna yang dapat diistinbat daripada ayat tersebut, atau menghadkan makna yang umum, atau mengkhususkan yang bersifat umum. Kitab-kitab tafsir para ulama terdahulu khususnya banyak memuatkan pendekatan tafsir yang mengambil kira kepelbagaian qiraat ini.

5. Ilmu Qiraat sebagai Jalan untuk Menggandakan Pahala

Mereka yang bergiat dalam ilmu ini mencurahkan usaha yang besar dalam meneliti makna-makna al-Quran, mengistinbat hukum-hakam, menjelaskan taujih qiraat, serta bersungguh-sungguh memelihara prestasi bacaan lafaz al-Quran daripada sebarang penyelewengan. Mereka juga sangat menitikberatkan pemeliharaan sanad yang sah dan bersambung hingga kepada Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم

KESIMPULAN

Ilmu Qiraat Riwayat dan Dirayah saling melengkapi antara satu sama lain. Sejak dari permulaan ilmu ini wujud, ia melalui proses talaqqi secara musyafahah dari generasi demi generasi sehingga sekarang. Bermula dengan Riwayat dan berkembang sehinggalah setiap Riwayat disusun dengan kaedah dan usul yang lengkap. Ilmu Qiraat perlu diberi perhatian kerana fungsinya dan peranannya dalam memahami al-Quran al-Karim. Ilmu Qiraat juga membuktikan kemukjizatan al-Quran. Walau pelbagai bacaan diriwayatkan pada sesuatu kalimah ia tidak bercanggah dari sudut makna tetapi ia lebih melengkapkan makna ayat al-Quran.

Kertas Kerja Kedua

PERBANDINGAN TARIQ DALAM QIRAAT SUGHRA DAN KUBRA: SATU KAJIAN ANALITIK

Oleh:

Ust Dr. Mohd Jismani bin Yusoff

Pensyarah Fakulti Usuluddin Dan Al-Quran & Sunnah (Fuqs) Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri

PERBANDINGAN TARIQ DALAM QIRAAT SUGHRA DAN KUBRA: SATU KAJIAN ANALITIK

(Oleh: Ust Dr. Mohd Jismani bin Yusoff)

Pengenalan

Dalam konteks pengajian qirā'āt, ṭarīq al-Syāṭibiyyah adalah berasaskan kepada Kitāb al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab' karangan Imām al-Dānī dan melalui matan Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī (atau dikenali sebagai Matan al-Syāṭibiyyah) karya Imām al-Syāṭibī, yang menghimpunkan tujuh qirā'āt mutawātirah dan dikenali sebagai qirā'āt al-Sab'. Sementara itu, ṭarīq al-Taḥbīr berpandukan Matan al-Durrah al-Muḍī'ah hasil susunan Imām Ibn al-Jazari yang menambah tiga qirā'āt lagi menjadikan jumlahnya sepuluh qirā'at. Gabungan kedua-dua ṭarīq ini melalui karya Tahbir al-Taysir fi al-Qira'at al-'Ashr (karya Imam Ibn al-Jazari) membentuk sistem Qirā'āt al-'Asyr al-Sughrā iaitu pengajian sepuluh qirā'āt berdasarkan jalur periwayatan yang lebih mudah kerana kebanyakannya hanya melalui satu tariq sahaja. Manakala, ṭarīq al-Nasyr merupakan ṭarīq yang lebih komprehensif dan lengkap kerana ia mencakupi kesepuluh-sepuluh Qira'at Mutawatirah yang dimuatkan dalam sebuah kitab dan matan sahaja. Apa yang dimaksudkan dengan kitab dan matan tersebut ialah Kitāb al-Nasyr fī al-Qirā'āt al-'Asyr dan Matan Tayyibat al-Nasyr. Kedua-duanya merupakan karya Imām Ibn al-Jazari merangkumi sepuluh qirā'āt dengan pelbagai jalur periwayatan dan tariq yang lebih banyak dan dikenali sebagai Qirā'āt al-'Asyr al-Kubrā.

Tariq bacaan berdasarkan Tariqai al-Shatibiyyah dan al-Durrat al-Mudhi'ah (Qira'at al-'Ashr al-Sughra):

Berdasarkan manhaj periwayatan qiraat menurut Qirā'āt al-'Asyr al-Sughrā, setiap bacaan disandarkan kepada satu tariq sahaja yang diambil secara khusus daripada perawi masing-masing. Oleh itu, bagi memahami sumber dan rangkaian periwayatan bacaan yang digunakan. Berikut dikemukakan tariq utama yang menjadi sandaran dalam periwayatan qiraat menurut Qirā'āt al-'Asyr al-Sughrā, iaitu:

(1) Tariq Abi Nashit Muhammad bin Harun 'an Qalun. (2) Tariq Abi Ya'qub Yusuf al-Azraq 'an Warsh. 3) Tariq Abi Rabi'ah Muhammad Ishaq 'an al-Bazzi. 4) Tariq Abi Bakr Ahmad bin Mujahid 'an Qunbul. (5) Tariq Abi al-Za'ra' 'Abdul Rahman bin 'Abdus 'an al-Duriyy. (6) Tariq Abi 'Imran Musa bin Jarir 'an al-Susiyy. (7) Tariq Abi al-Hasan Ahmad bin Yazid al-Hulwani 'an Hisham. (8) Tariq Abi Abdillah Harun bin Musa al-Akhfash 'an Ibn Dhakwan. (9) Tariq Abi Zakariyya Yahya bin Adam alSulhi 'an Shu'bah. (10) Tariq Abi Muhammad 'Ubayd bin al-Sabbah 'an Hafs. (11) Tariq Ahmad bin 'Uthman bin Buyan 'an Khalaf. (12) Tariq Abi Bakr Muhammad bin Shadhan 'an Khallad. (13) Tariq Abi 'Abdillah Muhammad bin Yahya al-

Baghdadiyy ‘an Abi al-Harith. (14) Tariq Abi al-Fadhl Ja‘far bin Muhammad alNasibi ‘an al-Duriyy. (15) Tariq Fadhl bin Shazan ‘an Ibni Wardan. (16) Tariq Abi Ayyub al-Hashimi ‘an Ibni Jammaz. (17) Tariq al-Tamar ‘an Ruways. (18) Tariq Ibni Wahb ‘an Rauh. (19) Tariq Ibni Abi ‘Umar ‘an Ishaq. (20) Tariq al-Qati‘i ‘an Idris.

Tariq bacaan berdasarkan Turuq al-Nashr (Qira’at al-‘Ashr al-Kubra):

Dalam kerangka Tariq bacaan berdasarkan Turuq al-Nashr yang mewakili Qira’at al-‘Ashr al-Kubrā, periwayatan bacaan al-Quran dihimpunkan melalui pelbagai tariq yang bersumberkan kitab-kitab muktabar. Setiap riwayat mempunyai pecahan tariq tersendiri yang menunjukkan kepelbagaian jalur periwayatan dan turuq. Berikut merupakan turuq yang terkandung dalam Qirā’āt al-‘Asyr al-Kubrā berdasarkan Kitāb al-Nasyr fī al-Qirā’āt al-‘Asyr.

1. Riwayat Qalun melalui Tariq Abi Nashit terbahagi kepada dua, iaitu Tariq Ibnu Buyan dan Tariq al-Qazzaz. Tariq Ibnu Buyan bersandarkan kepada 15 buah kitab, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, Hidayat al-Mahdawi, Kafi Ibnu Shurayh, Ghayah Ibnu Mihran, Kamil al-Huzali, Mustanir Ibni Suwar, Talkhis Abi Ma‘shar, Mubhij Sabt al-Khayat, Tajrid Ibni al-Fahham, Raudhat al-Maliki, Kifayat Abi al-‘Izz, Misbah Abi al-Karami, Ghayah Abi al-‘Ala’ dan Kifayat al-Sibt fi al-Sitt.

Manakala Tariq al-Qazzaz pula bersandarkan kepada tujuh sumber utama, iaitu alShatibiyyah, Tazkirah Abi al-Hasan bin Ghalbun, Hadi Ibni Sufyan, Talkhis Ibni Ballimah, Tabsirah Makki, I‘lan al-Safrawi serta bacaan Ibn al-Jazari daripada Ibn al-Laban.

Riwayat Qalun juga melalui Tariq al-Hulwani, yang terbahagi kepada Tariq Ibni Abi Mihran dan Tariq Ja‘far bin Muhammad bin al-Haitham. Tariq Ibni Abi Mihran bersandarkan kepada 19 buah rujukan, iaitu bacaan al-Dani daripada Abi al-Fath, al-Tajrid, Talkhis Ibni Ballimah, Mujtaba al-Tarsusi, Qasid al-Khazraji, al-Mubhij, Sab‘ah Ibni Mujahid, Raudhah al-Maliki, al-Mu‘adal, Jami‘ alKhayyat, al-Mustanir, Irshad Abi al-‘Izz, Kifayah, Ghayah Abi al-‘Ala’, alKifayah fi al-Sitt, Talkhis Abi Ma‘shar, al-Kamil dan Ghayah Ibnu Mihran. Adapun Tariq Ja‘far bin Muhammad bin al-Haitham pula hanya bersandarkan kepada tiga sumber rujukan, iaitu al-Mustanir, al-Kamil dan Jami‘ al-Khayyat.

2. Riwayat Warsh daripada Imam Nafi‘ pula melalui dua tariq utama, iaitu Tariq alAzraq dan Tariq al-Asbahani. Riwayat Warsh melalui Tariq al-Azraq merangkumi Tariq Ismail al-Nahhas dan Tariq Ibni Saif. Tariq Ismail al-Nahhas bersumberkan kepada 11 buah kitab, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, al-Hidayah, al-Mujtaba, alKamil, al-Tajrid, Talkhis Ibni Ballimah, Tariq Abi Ma‘shar, al-Talkhis, bacaan alDani daripada Abi al-Fath dan Ibnu Khaqan. Sementara itu, Tariq Ibni Saif berdasarkan 10 buah kitab rujukan, iaitu al-Tazkirah, al-‘Unwan, al-Mujtaba, alKafi, Talkhis Ibni Ballimah, al-Tajrid, al-Tabsirah, al-Kamil, Irshad Abi al-Tayyib serta bacaan al-Dani daripada Abi al-Hasan.

Seterusnya, Riwayat Warsh melalui Tariq al-Asbahani terbahagi kepada Tariq Hibatillah bin Ja'far dan Tariq al-Mutawwi'i. Tariq Hibatillah bin Ja'far adalah berdasarkan 15 buah karya utama, iaitu al-Tajrid, Kifayah Abi al-'Izz, Ghayah Abi al-'Ala, al-Mustanir, Raudhat al-Maliki, al-Mu'addal, al-Kamil, Tizkar Ibni Shita, Miftah Ibni Khairun, al-Misbah, bacaan Ibn al-Jazari daripada Ibn al-Sa'igh, Jami' al-Khayyat, Talkhis Abi Ma'shar, al-I'lan dan Ghayah Ibni Mihran. Adapun Tariq al-Mutawwi'i pula bersandarkan kepada empat rujukan sahaja, iaitu al-Mubhij, al-Misbah, al-Huzali dan Abi Ma'shar.

3. Riwayat al-Bazzi daripada Imam Ibnu Kathir merangkumi dua tariq utama. Riwayat al-Bazzi melalui Tariq Abi Rabi'ah terbahagi kepada Tariq al-Naqqash dan Tariq Ibnu Bunan. Tariq al-Naqqash adalah berdasarkan 15 buah kitab, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, al-Tajrid, Raudhat al-Maliki, Talkhis Abi Ma'shar, al-Kamil, al-Mustanir, Jami' al-Khayyat, dua kitab Abi al-'Izz, Raudhat al-Mu'addal, al-Misbah, Talkhis Ibni Ballimah, al-Hidayah, al-Mubhij dan Ghayah Abi al-'Ala'. Manakala Tariq Ibnu Bunan pula bersumberkan kepada dua buah kitab rujukan sahaja, iaitu al-Misbah dan Miftah Ibni Khairun.

Selain itu, Riwayat al-Bazzi juga melalui Tariq Ibni al-Hubab yang merangkumi Tariq Ibni Saleh dan Tariq 'Abdi al-Wahid bin 'Umar. Tariq Ibni Saleh berdasarkan bacaan al-Dani daripada Abi al-Faraji al-Najari, bacaan al-Dani daripada Abi al-Fath, bacaan Ibn al-Fahham daripada 'Abd al-Baqi serta Irshad Abi al-Tayyib. Adapun Tariq 'Abdi al-Wahid bin 'Umar pula hanya berdasarkan dua rujukan, iaitu al-Kamil dan Tariq al-Khuza'i, iaitu bacaan al-Huzali daripada Abi al-'Ala'.

4. Riwayat Qunbul daripada Imam Ibnu Kathir pula melalui dua tariq utama, iaitu Tariq Ibni Mujahid dan Tariq Ibni Shanabuz. Riwayat Qunbul melalui Tariq Ibni Mujahid merangkumi Tariq al-Samiri dan Tariq Saleh. Tariq al-Samiri adalah berdasarkan kepada 11 buah kitab, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, Talkhis Ibni Ballimah, al-I'lan, al-Tajrid, al-Kafi, Raudhat al-Mu'addal, al-Kamil, al-Mujtaba, al-'Unwan dan al-Qasid. Sementara itu, Tariq Saleh pula berdasarkan kepada tiga sumber utama, iaitu al-Kifayah fi al-Sitt, al-Mustanir serta bacaan Abi al-'Ala' daripada al-Mazrafi daripada al-Qattan.

Seterusnya, Riwayat Qunbul melalui Tariq Ibni Shanabuz terbahagi kepada Tariq al-Qadhi Abi al-Faraji al-Nahrawani dan Tariq al-Shatwi. Tariq al-Qadhi Abi al-Faraji al-Nahrawani adalah berdasarkan kepada empat rujukan, iaitu al-Kifayah fi al-Sitt, al-Mustanir, al-Misbah dan Talkhis Abi Ma'shar. Manakala Tariq al-Shatwi pula berdasarkan kepada empat rujukan juga, iaitu al-Mubhij, al-Misbah, al-Kamil dan Jami' al-Khayyat.

5. Riwayat al-Duri daripada Imam Abi 'Amr pula melalui dua tariq utama, iaitu Tariq Abi al-Za'ra' dan Tariq Ibni Farah. Riwayat al-Duri melalui Tariq Abi al-Za'ra'

merangkumi Tariq Ibn Mujahid dan Tariq al-Mu'addal. Melalui Tariq Ibn Mujahid, ia adalah berdasarkan kepada 27 buah rujukan utama, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, al-Mustanir, al-Tizkar, al-Misbah, bacaan al-Dani melalui Abi al-Fath, al-Tajrid, Talkhis Ibn Ballimah, al-'Unwan, al-Mujtaba, al-Kafi, Talkhis Abi Ma'shar, al-I'lan, al-Qasid, Jami' al-Khayyat, al-Kifayah fi al-Sitt, Ghayah Abi al-'Ala', Kifayah Abi al-'Izz, al-Miftah, al-Muwaddih Ibn Khairun, Raudhat al-Mu'addal, al-Kamil, al-Tazkirah, al-Hadi, al-Tabsirah, al-Mubhij dan al-Sab' Ibn Mujahid. Adapun Tariq al-Mu'addal pula berdasarkan kepada tujuh sumber rujukan, iaitu bacaan al-Dani melalui Abi al-Fath, melalui 'Abd al-Aziz al-Farisi, al-Tajrid, Talkhis Ibn Ballimah, al-Mujtaba, al-Qasid serta bacaan al-Huzali melalui Ibn Masrur.

Riwayat al-Duri melalui Tariq Ibn Farah pula merangkumi Tariq Ibn Abi Bilal dan Tariq al-Mutawwi'i. Tariq Ibn Abi Bilal adalah berdasarkan kepada 16 rujukan, iaitu bacaan al-Dani daripada Abi al-Fath, al-Tajrid, Talkhis Ibn Ballimah, Raudhat al-Maliki, al-Kafi, Jami' al-Khayyat, dua kitab Abi al-'Izz, Ghayah Abi al-'Ala', al-Mustanir, al-Tizkar, al-Kifayah fi al-Sitt, al-Kamil, al-Misbah, al-Miftah dan Ghayah Ibn Mihran. Manakala Tariq al-Mutawwi'i pula hanya berdasarkan kepada empat rujukan sahaja, iaitu al-Mubhij, al-Misbah, Talkhis Abi Ma'shar dan al-Kamil.

6. Riwayat al-Susi daripada Imam Abi 'Amr juga melalui dua tariq utama, iaitu Tariq Ibn Jarir dan Tariq Ibn Jumhur. Riwayat al-Susi melalui Tariq Ibn Jarir merangkumi Tariq Abdillah bin al-Husayn dan Tariq Ibn Habsh. Tariq Abdillah bin al-Husayn adalah berdasarkan kepada lapan buah rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, al-Tajrid, Talkhis Ibn Ballimah, al-Kafi, Raudhat al-Mu'addal, al-'Unwan dan al-Mujtaba. Sementara itu, Tariq Ibn Habsh pula juga berdasarkan kepada lapan buah rujukan kitab, iaitu al-Tajrid, al-Mustanir, Jami' al-Khayyat, Ghayah Abi al-'Ala', al-Misbah, Raudhat al-Maliki, Kifayah Abi al-'Izz dan al-Kamil.

Kemudian, Riwayat al-Susi melalui Tariq Ibn Jumhur terbahagi kepada Tariq al-Shaza'i dan Tariq al-Shanabuz. Tariq al-Shaza'i adalah berdasarkan kepada tiga buah rujukan sahaja, iaitu al-Mubhij, al-Misbah dan al-Kamil. Manakala Tariq al-Shanabuz pula hanya berdasarkan kepada dua buah kitab rujukan, iaitu al-Mubhij dan al-Misbah.

7. Riwayat Hisham daripada Imam Ibnu 'Amir merangkumi dua tariq utama. Riwayat Hisham melalui Tariq al-Hulwani terbahagi kepada Tariq Ibn 'Abdan dan Tariq al-Jammal. Tariq Ibn 'Abdan adalah berdasarkan kepada 11 buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, Talkhis Ibn Ballimah, Tariq Ibn Shurayh, Raudhat al-Mu'addal, al-Kamil, Kifayah Abi al-'Izz, al-I'lan, al-Mujtaba, al-'Unwan dan al-Qasid. Manakala Tariq al-Jammal pula bersandarkan kepada tujuh sumber rujukan, iaitu bacaan al-Dani melalui al-Farisi, al-Tajrid, al-Misbah, al-Kamil, al-Mubhij, Talkhis Abi Ma'shar dan Sab'ah Ibn Mujahid.

Selain itu, Riwayat Hisham juga melalui Tariq al-Dajuni yang merangkumi Tariq Zaid bin 'Ali dan Tariq al-Shaza'i. Tariq Zaid bin 'Ali bersandarkan kepada 10 buah kitab rujukan, iaitu Jami' al-Khayyat, al-Mustanir, Raudhat al-Maliki, al-Kafi, al-Tajrid, Kifayah Abi al-'Izz, Ghayah Abi al-'Ala', Raudhat al-Mu'addal, al-Kamil dan al-Misbah. Sementara itu, Tariq al-Shaza'i pula hanya bersandarkan kepada tiga sumber rujukan, iaitu al-Mubhij, al-I'lan dan al-Kamil.

8. Riwayat Ibnu Zakwan daripada Imam Ibnu 'Amir pula melalui dua tariq utama, iaitu Tariq al-Akhfash dan Tariq al-Suri. Riwayat Ibnu Zakwan melalui Tariq alAkhfash merangkumi Tariq al-Naqqash dan Tariq Ibn al-Akhram. Tariq al-Naqqash bersandarkan kepada 13 buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, alShatibiyyah, al-Tajrid, Raudhat al-Maliki, Jami' al-Khayyat, al-Mustanir, Kifayah Abi al-'Izz, al-Kamil, al-Tizkar, Talkhis Ibni Ballimah, Talkhis Abi Ma'shar dan al-Misbah. Manakala Tariq Ibn al-Akhram pula berdasarkan kepada 10 buah kitab rujukan, iaitu Talkhis Ibni Ballimah, al-Hidayah, al-Mubhij, Ghayah Abi al-'Ala', al-Kamil, al-Tabsirah, al-Hadi, Tazkirah Ibni Ghalbun, al-Wajiz dan Ghayah Ibni Mihran.

Seterusnya, Riwayat Ibnu Zakwan melalui Tariq al-Suri terbahagi kepada Tariq al-Ramli yang masyhur dengan al-Dajuni dalam Riwayat Hisham serta Tariq alMuttawwi'i. Tariq al-Ramli bersandarkan kepada 10 sumber rujukan, iaitu dua kitab karangan Abi al-'Izz, Raudat al-Maliki, Jami' al-Farisi, Talkhis Abi Ma'shar, al-Mubhij, al-Kamil, Tariq al-Darani, Ghayah Abi al-'Ala' dan al-Mustanir. Adapun Tariq al-Muttawwi'i pula berdasarkan kepada empat sumber rujukan, iaitu al-Mubhij, al-Misbah, Talkhis Abi Ma'shar dan al-Kamil.

9. Riwayat Shu'bah daripada Imam 'Asim pula melalui dua tariq utama, iaitu Tariq Yahya bin Adam dan Tariq al-'Ulaymi. Riwayat Shu'bah melalui Tariq Yahya bin Adam merangkumi Tariq Shu'aib dan Tariq Abi Hamdun. Tariq Shu'aib bersandarkan kepada 17 buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, alTajrid, Talkhis Ibni Ballimah, al-Mubhij, al-Misbah, al-Mustanir, al-Kamil, Talkhis Abi Ma'shar, Ghayah Ibni Mihran, al-'Unwan, al-Mujtaba, al-Kafi, Raudat al-Mu'addal, dua kitab Ibni Khayrun dan Sab'ah Ibni Mujahid. Manakala Tariq Abi Hamdun pula bersandarkan kepada 10 buah kitab rujukan, iaitu al-Tajrid, Raudat al-Maliki, dua kitab Abi al-'Izz, al-Mustanir, Jami' al-Khayyat, alKamil, al-Misbah, al-Tizkar dan Ghayah Abi al-'Ala'.

Riwayat Shu'bah melalui Tariq al-'Ulaymi pula merangkumi Tariq Ibni Khulay' dan Tariq al-Razzaz, dan kedua-duanya daripada Abi Bakr al-Wasiti. Tariq Ibni Khulay' bersandarkan kepada 11 sumber rujukan, iaitu al-Tajrid, Raudat alMaliki, Kifayah Abi al-'Izz, al-Tizkar, Jami' al-Khayyat, Tariq 'Abd al-Baqi alKharasani, al-Kifayah fi al-Sitt, Ghayah Abi al-'Ala', al-Kamil, Talkhis Abi Ma'shar dan Tariq Ibni Mihran. Sementara itu, Tariq al-Razzaz pula bersandarkan kepada tiga rujukan sahaja, iaitu al-Mubhij, al-Misbah dan al-Kamil.

10. Riwayat Hafs daripada Imam ‘Asim pula melalui dua tariq utama, iaitu Tariq ‘Ubayd bin al-Sabah dan Tariq ‘Amru bin al-Sabah. Riwayat Hafs melalui Tariq ‘Ubayd bin al-Sabah merangkumi Tariq Abi al-Hasan al-Hashimi dan Tariq Abi Tahir bin Abi Hashim daripada al-Ashnani. Tariq Abi al-Hasan al-Hashimi bersandarkan kepada sembilan buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, Talkhis Ibni Ballimah, al-Tazkirah, al-Mustanir, Jami‘ al-Khayyat, Ghayah Abi al-‘Ala’, al-Kamil dan al-Mubhij. Manakala Tariq Abi Tahir bin Abi Hashim pula bersandarkan kepada sembilan sumber rujukan, iaitu al-Tajrid, Raudat al-Maliki, al-Kamil, Jami‘ al-Khayyat, al-Misbah, dua kitab Abi al-‘Izz, al-Tizkar dan al-Kifayah fi al-Sitt.

Seterusnya, Riwayat Hafs melalui Tariq ‘Amru bin al-Sabah merangkumi Tariq al-Fil dan Tariq Zar‘an. Tariq al-Fil bersandarkan kepada tujuh buah kitab, iaitu al-Mustanir, al-Kamil, Kifayah Abi al-‘Izz, Ghayah Abi al-‘Ala’, al-Misbah, al-Tizkar dan al-Mubhij. Adapun Tariq Zar‘an pula bersandarkan kepada sembilan sumber rujukan, iaitu al-Tajrid, Raudat al-Maliki, Ghayah Abi al-‘Ala’, al-Misbah, Tariq ‘Abd al-Baqi al-Kharasani, Kifayah Abi al-‘Izz, al-Mustanir, al-Tizkar dan Jami‘ al-Khayyat.

11. Riwayat Khalaf daripada Imam Hamzah pula melalui beberapa tariq. Riwayat Khalaf melalui Tariq Ibni ‘Uthman yang dikenali sebagai Ibni Bunyan daripada Idris daripada Khalaf bersumberkan kepada sembilan rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, Talkhis Ibni Ballimah, al-Tazkirah, al-Tajrid, Raudat al-Maliki, al-Mustanir, Jami‘ al-Khayyat dan al-Kamil. Riwayat Khalaf melalui Tariq Ibni Miqsam daripada Idris daripada Khalaf pula bersandarkan kepada 20 rujukan, iaitu bacaan al-Dani daripada Abi al-Fath, al-Kafi, al-Kamil, al-‘Unwan, al-Mujtaba, al-Tajrid, Raudat al-Maliki, dua kitab Abi al-‘Izz, al-Tizkar, al-Mustanir, Jami‘ al-Khayyat, al-Misbah, Ghayah Abi al-‘Ala’, al-Wajiz, al-Mubhij, al-Kamil, dua kitab Ibni Khayrun dan Ghayah Ibni Mihran.

Selain itu, Riwayat Khalaf melalui Tariq Ibni Salih daripada Idris daripada Khalaf hanya bersandarkan kepada dua sumber iaitu bacaan al-Dani melalui Abi al-Fathi dan al-Tajrid. Manakala Riwayat Khalaf melalui Tariq al-Muttawwi‘i daripada Idris daripada Khalaf pula bersandarkan kepada empat buah kitab rujukan, iaitu al-Mubhij, al-Misbah, Talkhis Abi Ma‘shar dan al-Tajrid.

12. Riwayat Khallad daripada Imam Hamzah pula melalui beberapa tariq. Riwayat Khallad melalui Tariq Ibni Shazan daripada Khallad bersandarkan kepada 15 buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah, al-Tajrid, Talkhis Ibni Ballimah, al-Kafi, Raudat al-Mu‘addal, al-‘Unwan, al-Mujtaba, al-Kamil, al-Qasid, al-Mubhij, dua kitab Ibni Khayrun, al-Misbah, al-I‘lan dan Talkhis Abi Ma‘shar. Riwayat Khallad melalui Tariq Ibn al-Haitham daripada Khallad pula bersandarkan kepada lapan sumber rujukan, iaitu bacaan al-Dani melalui Abi al-

Hasan, bacaan al-Dani melalui Abi al-Fathi, Talkhis Ibni Ballimah, Tabsirah, al-Hadi, al-Hidayah, alMubhij dan al-Kamil.

Seterusnya, Riwayat Khallad melalui Tariq al-Wazzan daripada Khallad bersandarkan kepada 15 sumber rujukan, iaitu bacaan al-Dani melalui Abi alFathi, Talkhis Ibni Ballimah, al-Kamil, al-Tajrid, Raudat al-Maliki, Ghayah Abi al-‘Ala’, Kifayah Abi al-‘Izz, al-Mustanir, Jami‘ al-Khayyat, al-Tizkar, Talkhis Abi Ma‘shar, Ghayah Ibni Mihran, dua kitab Ibni Khayrun dan al-Misbah. Akhir sekali, Riwayat Khallad melalui Tariq al-Talhi daripada Khallad hanya bersandarkan kepada dua sumber rujukan sahaja, iaitu bacaan al-Dani daripada alFarisi dan al-Kamil.

13. Riwayat Abi al-Harith daripada Imam al-Kisa’i terbahagi kepada dua jalur utama. Jalur pertama ialah riwayat Abi al-Harith melalui Tariq Muhammad bin Yahya. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq al-Batti dan Tariq al-Qantari. Tariq al-Batti bersandarkan kepada tujuh buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, alShatibiyyah, al-Tajrid, Talkhis Ibni Ballimah, al-Kamil, al-Hidayah dan Ghayah Ibni Mihran. Manakala Tariq al-Qantari pula bersandarkan kepada dua belas buah sumber rujukan, iaitu al-Tajrid, al-Kafi, Raudat al-Maliki, Kifayah Abi al-‘Izz, Ghayah Ibn al-‘Ala’, al-Mustanir, Jami‘ al-Khayyat, al-Kamil, al-Misbah, dua kitab Ibni Khayrun dan al-Mubhij.

Jalur kedua bagi riwayat Abi al-Harith ialah melalui Tariq Salamah bin ‘Asim. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq Tha‘lab dan Tariq Ibn al-Faraji. Tariq Tha‘lab bersandarkan kepada enam buah kitab rujukan, iaitu al-Tabsirah, alHadi, al-Hidayah, al-Tazkirah, al-Kamil dan Sab‘ah Ibni Mujahid. Sementara itu, Tariq Ibn al-Faraji pula bersandarkan kepada tiga sumber rujukan, iaitu bacaan Ibn al-Jazari melalui Abi ‘Ali al-Hasan bin Ahmad bin Hilal, Ghayah Abi al-‘Ala’ dan al-Mustanir.

14. Riwayat al-Duri daripada Imam al-Kisa’i pula melalui dua jalur. Jalur pertama ialah riwayat al-Duri melalui Tariq Ja‘far al-Nasibi. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq Ibn al-Julanda dan Tariq Ibni Dizawayh. Tariq Ibn al-Julanda bersandarkan kepada tiga buah kitab rujukan, iaitu al-Taysir, al-Shatibiyyah dan Talkhis Ibni Ballimah. Manakala Tariq Ibni Dizawayh bersandarkan kepada dua sumber rujukan sahaja, iaitu Kitab al-Kamil dan riwayat Imam al-Dani melalui Abi Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Umar bin Muhammad al-Nahhas alMu‘addal.

Jalur kedua bagi riwayat al-Duri ialah melalui Tariq Abi ‘Uthman al-Dharir. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq Ibni Abi Hashim dan Tariq alShaza’i. Tariq Ibni Abi Hashim bersandarkan kepada lapan sumber rujukan, iaitu bacaan al-Dani daripada al-Farisi, bacaan Ibn al-Fahham daripada Nasr al-Shirazi, Raudat al-Maliki, Ghayah Abi al-‘Ala’, al-Mustanir, Jami‘ al-Khayyat, al-Kamil

dan al-Misbah. Sementara itu, Tariq al-Shaza'i hanya bersandarkan kepada dua buah kitab rujukan, iaitu al-Mubhij dan al-Misbah.

15. Riwayat Ibni Wardan daripada Imam Abi Ja'far melalui dua jalur. Jalur pertama ialah riwayat Ibni Wardan melalui Tariq al-Fadhil bin Shazan. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq Ibni Shabib dan Tariq Ibni Harun. Tariq Ibni Shabib bersandarkan kepada sepuluh buah sumber rujukan, iaitu dua kitab Abi al-'Izz, Ghayah Abi al-'Ala', Raudat al-Maliki, al-Mustanir, Jami' al-Khayyat, al-Misbah, al-Tizkar, al-Kamil dan Ghayah Ibni Mihran. Manakala Tariq Ibni Harun hanya bersandarkan kepada dua kitab Abi al-'Izz.

Jalur kedua ialah riwayat Ibni Wardan melalui Tariq Hibatillah bin Ja'far. Melalui jalur ini terdapat Tariq al-Hanbali dan Tariq al-Hammami. Tariq al-Hanbali bersandarkan kepada empat buah kitab rujukan, iaitu dua kitab Abi al-'Izz, alMiftah dan al-Misbah. Manakala Tariq al-Hammami hanya bersandarkan kepada dua sumber rujukan, iaitu Raudat al-Maliki dan Jami' al-Farisi.

16. Riwayat Ibni Jammaz daripada Imam Abi Ja'far juga melalui dua jalur. Jalur pertama ialah riwayat Ibni Jammaz melalui Tariq Abi Ayyub al-Hashimi. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq Ibni Razin dan Tariq al-Jammal. Tariq Ibni Razin bersandarkan kepada tiga buah kitab rujukan, iaitu al-Mustanir, al-Kamil dan al-Misbah. Manakala Tariq al-Jammal bersandarkan kepada tiga buah kitab rujukan, iaitu al-Misbah dan dua kitab Ibni Khayrun.

Jalur kedua ialah riwayat Ibni Jammaz melalui Tariq al-Duri. Melalui jalur ini terdapat Tariq Ibni al-Nafakh dan Tariq Ibni Nahshali. Tariq Ibni al-Nafakh bersandarkan kepada dua sumber rujukan sahaja, iaitu al-Kamil serta bacaan Sabt al-Khayyat daripada al-Sharif 'Abd al-Qahir al-'Abbasi. Manakala Tariq Ibni Nahshali hanya bersandarkan kepada satu sumber rujukan sahaja, iaitu Kitab alKamil.

17. Riwayat Ruways daripada Imam Ya'qub melalui Tariq al-Tamar. Melalui jalur ini terdapat empat tariq, iaitu Tariq al-Nakhkhas, Tariq Abi al-Tayyib, Tariq Ibni Miqsam dan Tariq al-Juhari. Tariq al-Nakhkhas bersandarkan kepada tiga belas buah kitab rujukan, antaranya al-Tizkar, Mufradah Ibn al-Fahham, Jami' al-Farisi, al-Kamil, Raudat al-Maliki, dua kitab Abi al-'Izz, Ghayah Abi al-'Ala', alMustanir, Jami' al-Khayyat, al-Misbah, al-Mubhij dan Talkhis Abi Ma'shar. Tariq

Abi al-Tayyib hanya bersandarkan kepada satu kitab rujukan, iaitu Ghayah Abi al'Ala'. Tariq Ibni Miqsam pula bersandarkan kepada dua kitab rujukan, iaitu Ghayah Ibni Mihran dan al-Kamil. Manakala Tariq al-Juhari bersandarkan kepada empat sumber rujukan, iaitu bacaan al-Dani daripada Abi al-Hasan, bacaan alDani daripada Abi al-Fathi, al-Tazkirah dan al-Kamil.

18. Riwayat Rauh daripada Imam Ya'qub melalui dua jalur. Jalur pertama ialah riwayat Rauh melalui Tariq Ibni Wahb. Melalui jalur ini terdapat Tariq al-Mu'addal dan Tariq Hamzah bin 'Ali. Tariq al-Mu'addal bersandarkan kepada tujuh belas buah kitab rujukan, antaranya al-Tizkar, Mufradah Ibn al-Fahham, Jami' al-Farisi, al-Khayyat, Raudat al-Maliki, al-Kamil, Ghayah Abi al-'Ala', dua kitab Abi al-'Izz, al-Mustanir, Talkhis Abi Ma'shar, dua kitab Ibni Khayrun, al-Misbah, al-Mubhij, al-Tazkirah dan Ghayah Ibni Mihran. Manakala Tariq Hamzah bin 'Ali hanya bersandarkan kepada Kitab al-Kamil.

Jalur kedua bagi riwayat Rauh ialah melalui Tariq al-Zubayri. Melalui jalur ini terdapat Tariq Ghulam bin Shanabuz dan Tariq Ibni Habshan. Tariq Ghulam bin Shanabuz hanya bersandarkan kepada Kitab Ghayah Abi al-'Ala', manakala Tariq Ibni Habshan pula hanya bersandarkan kepada Kitab al-Kamil.

19. Riwayat Ishaq daripada Imam Khalaf al-'Ashir terbahagi kepada dua jalur. Jalur pertama ialah riwayat Ishaq melalui Ibni Abi 'Umar. Melalui jalur ini terdapat dua tariq, iaitu Tariq al-Susanjirdi dan Tariq Bakr bin Shazan. Tariq al-Susanjirdi bersandarkan kepada sepuluh buah kitab rujukan, iaitu Raudat al-Maliki, Jami' al-Farisi, al-Kamil, dua kitab Abi al-'Izz, al-Kifayah fi al-Sitt, Ghayah Abi al-'Ala', al-Misbah, al-Mustanir dan al-Tizkar. Sementara itu, Tariq Bakr bin Shazan bersandarkan kepada tiga rujukan utama, iaitu al-Mustanir, Jami' al-Khayyat dan al-Misbah.

Jalur kedua bagi riwayat Ishaq ialah melalui dua tariq lain. Tariq Muhammad bin Ishaq daripada Ishaq hanya bersandarkan kepada Kitab Ghayah Ibni Mihran. Manakala Tariq al-Birsati daripada Ishaq bersandarkan kepada tiga sumber rujukan, iaitu dua kitab Ibni Khayrun dan Tariq Abi al-Karami.

20. Riwayat Idris daripada Imam Khalaf al-'Ashir juga melalui beberapa tariq. Tariq al-Shatti bersandarkan kepada tiga buah kitab rujukan, iaitu Ghayah Abi al-'Ala', al-Misbah dan al-Kifayah fi al-Sitt. Tariq al-Muttawwi'i pula bersandarkan kepada tiga buah kitab rujukan, iaitu al-Mubhij, al-Misbah dan al-Kamil. Tariq Ibni Buyan hanya bersandarkan kepada satu rujukan sahaja, iaitu Kitab al-Kamil. Sementara itu, Tariq al-Qati'i bersandarkan kepada dua buah kitab rujukan sahaja, iaitu al-Kifayah fi al-Sitt dan al-Misbah.

Pemilihan bacaan menurut aliran al-Shatibiyyah menekankan bahawa setiap periwayat hanya bersandarkan kepada satu Tariq sahaja yang telah ditentukan. Manhaj ini memastikan bacaan tersusun dan konsisten yang mana setiap perawi mengikuti satu jalur tertentu tanpa mencampurkan bacaan daripada Tariq lain. Tujuannya adalah untuk mengekalkan kesinambungan bacaan dan mengelakkan kekeliruan daripada gabungan pelbagai jalur. Contohnya ialah Tariq Abi Nashit Muhammad bin Harun 'an Qalun atau Tariq Abi Ya'qub Yusuf al-Azraq 'an Warsh, di mana setiap perawi disandarkan kepada satu tariq dan sumber utama sahaja.

Adapun Tariq al-Nashr penyandaran bacaan kepada beberapa Tariq yang berlainan daripada perawi. Manhaj ini lebih fleksibel kerana satu riwayat boleh mempunyai beberapa jalur atau Tariq. Contohnya Riwayat Abu al-Harith melalui, Tariq al-Batti, Tariq al-Qantari, Tariq Tha'lab dan Tariq Ibn al-Faraji. Tujuan pendekatan ini adalah meliputi turuq yang lebih menyeluruh dalam periwayatan qiraat. Oleh itu, perbezaan utama terletak pada bilangan Tariq yang dipilih.

Turuq Dalam Kitab Al-Nashr

Perbincangan mengenai *turuq* dalam ilmu qira'at merupakan salah satu aspek penting yang memerlukan penelitian yang teliti, khususnya dalam memahami kaedah penyandaran bacaan kepada para perawi dan imam qira'at. Setiap kitab qira'at mempunyai manhaj tersendiri dalam menentukan bilangan dan bentuk *turuq* yang diterima.

Sehubungan dengan itu, Ibn al-Jazari melalui karyanya *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr* telah menghimpunkan dan menyusun perbincangan *turuq* secara lebih luas dan sistematik berbanding karya-karya sebelumnya. Oleh yang demikian, memahami sumber-sumber *turuq* yang dirujuk oleh Ibn al-Jazari adalah penting bagi menjelaskan asas pensandaran bacaan qira'at yang digunapakai dalam *al-Nashr*. Berikut merupakan senarai rujukan utama dalam kitab *al-Nashr*:

1. Al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab' karangan Abi 'Amr al-Dani (Wafat tahun 444H) Menurut Ibn al-Jazari Kitab al-Taysir disandarkan kepada setiap perawi Qira'at Tujuh berdasarkan satu tariq sahaja kecuali perawi Shu'bah melalui dua tariq. Maka terkandung di dalam kitab tersebut sebanyak 15 tariq.
2. Mufradah Ya'qub karangan Abi 'Amr al-Dani Imam Ibn al-Jazari tidak menentukan bilangan tariq kepada perawi Qiraat Ya'qub namun ia memadai dengan menyebut sandaran bacaan melalui al-Dani daripada 'Ali Abi al-Hasan Tahir bin Ghalbun dan Abi al-Fath Faris bin Ahmad. Sekiranya bacaan mengikut riwayat Ruways maka ia melalui tariq al-Jauhari daripada al-Tammar daripada Ruways.
3. Jami' al-Bayan fi al-Qira'at al-Sab' Ia juga merupakan kitab yang sangat bernilai karangan Imam al-Dani. Boleh dikatakan segala ilmu berkaitan bacaan Qira'at Tujuh berdasarkan turuq yang dipelajarinya dihimpunkan di dalam kitab ini. Imam Ibn al-Jazari menyandarkan bacaan al-Dani daripada guru-gurunya melalui kitab ini kepada 28 tariq daripada Qira'at Tujuh iaitu Qalun (2), Warsh (3), al-Bazzi (2), al-Duri (7), Hisham (1), Ibnu Zakwan (2), Shu'bah (1), Hafs (1), Khalaf (2), Khallad (5) dan Duri al-Kisa'i (2).
4. Al-Shatibiyyah

Al-Shatibiyyah adalah karya agung Imam al-Shatibi (wafat tahun 590H) yang sangat populer. Ia merupakan Qasidah al-Lamiyyah berjudul Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani. Imam Ibn al-Jazari mengambil bacaan daripada guru-guru beliau melalui 20 tariq bersandarkan kepada Imam al-Shatibi iaitu 15 tariq mengikut Kitab al-Taysir dan 5 tariq lagi secara ada'iyah. Bilangan tariq berdasarkan riwayat ialah Qalun (3), Warsh (2), al-Bazzi (1), Qunbul (1), al-Duri (3), al-Susi (1), Hisham (1), Ibnu Zakwan (1), Shu'bah (2), Hafs (1), Khalaf (1), Khallad (1), Abu al-Harith (1) dan Duri al-Kisa'i (1).

5. Al-'Unwan fi al-Qira'at al-Sab'

Ia merupakan kitab karangan Imam Abi Tahir Isma'il bin Khalaf bin Sa'id al-Ansari (wafat tahun 455H). Imam Ibn al-Jazari menyandarkan kepada kitab ini sebanyak 9 tariq iaitu Warsh (9), Qunbul (1), al-Duri (2), al-Susi (1), Hisham (1), Shu'bah (1), Khalaf (1) dan Khalad (1).

6. Al-Hadi fi al-Qira'at al-Sab'

Karya tersebut dihasilkan oleh Abi 'Abdillah Muhammad bin Sufyan al-Qayrawani al-Maliki (wafat tahun 415H) di Madinah al-Munawwarah. Imam Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya 5 tariq iaitu Qalun (1), al-Duri (1), Ibnu Zakwan (1), Khallad (1) dan Abu al-Harith (1).

7. Al-Kafi fi al-Qira'at al-Sab'

Ia merupakan karangan al-Ustaz Abi 'Abdillah Muhammad bin Shurayh (wafat tahun 476H). Menurut al-Jazari ia berdasarkan 14 tariq yang disandarkan kepada al-Kafi iaitu Qalun (2), Warsh (1), Qunbul (1), al-Duri (1), al-Susi (1), Hisham (1), Shu'bah (1), Khalaf (3), Khallad (1) dan Abu al-Harith (1). Selain itu, terdapat satu tariq lain yang ditambah oleh al-Jazari mengikut Ibnu Shurayh iaitu tariq al-Hulwani daripada Hisham.

8. Al-Hidayah

Ia merupakan kitab karangan Imam Abi al-'Abbas Ahmad bin 'Ammar al-Mahdawi (wafat sekitar tahun 403). Menurut Ibn al-Jazari jumlah turuq yang disandarkan kepadanya ialah sebanyak 9 turuq iaitu Qalun (2), al-Azraq (1), al-Bazzi (1), Ibnu Zakwan (1), Khallad (1) dan Abu al-Harith (2).

9. Al-Tabsirah fi al-Qira'at al-Sab'

Ia merupakan kitab karangan imam Abi Ahmad Makki bin Abi Talib bin Muhammad bin Mukhtar al-Qaysi (wafat tahun 437H). Ibn al-Jazari menjelaskan sebanyak 6 tariq yang disandarkan kepada kitab tersebut iaitu Qalun (1), al-Azraq (1), al-Duri (1), Ibnu Zakwan (1), Khallad (1) dan Abu al-Harith (1).

10. Al-Qasid

Ia merupakan karya yang dikarang oleh Abi al-Qasim 'Abd al-Rahman bin al-Hasan bin Sa'id al-Khazraji al-Qurtubi (wafat tahun 446H). Menurut Ibn al-Jazari sanad

melaluinya sebanyak 6 tariq iaitu Qalun (1), Qunbul (1), al-Duri (1), Hisham (1) dan Khallad (1).

11. Al-Raudah

Al-Raudah ialah kitab karangan Imam Abi 'Amr Ahmad bin 'Abdullah bin Lubb alTalamanki (wafat tahun 429H). Menurut Ibn al-Jazari sanad daripadanya hanya berdasarkan kepada satu tariq sahaja iaitu al-Qazzaz daripada Abi Nashit daripada Qalun.

12. Al-Mujaba

Kitab al-Mujtaba ialah karya yang dihasilkan oleh Imam Abi al-Qasim 'Abd al-Jabbar bin Ahmad bin 'Umar al-Turtusi (wafat tahu 420H). Ibn al-Jazari menyatakan bahawa sanad daripanya melalui 12 tariq. Ia berdasarkan Qalun (1), Warsh (2), Qunbul (1), alDuri (3), al-Susi (1), Hisham (1), Shu'bah (1), Khalaf (1) dan Khallad (1).

13. Talkhis al-'Ibarat fi al-Qira'at al-Sab'

Kitab Talkhis al-'Ibarat fi al-Qira'at al-Sab' merupakan karya yang dikarang oleh Imam Abi Ali al-Hasan bin Khalaf bin 'Abdullah bin Ballimah (wafat tahun 514H). Menurut Ibn al-Jazari sanad melalui beliau berdasarkan kepada 30 tariq. Jumlah tariq mengikut perawi ialah Qalun (2), Warsh (3), al-Bazzi (3), Qunbul (1), al-Duri (6), alSusi (2), Hisham (2), Ibnu Zakwan (2), Shu'bah (2), Hafs (1), Khalaf (1) dan Khallad (6).

14. Al-Tazkirah fi al-Qira'at al-Thaman

Kitab al-Tazkirah fi Qira'at al-Thaman adalah karangan Imam Abi al-Hasan Tahir bin Abi al-Tayyib 'Abd al-Mun'im bin Ghalbun al-Halabi (wafat tahun 399H). Menurut Ibn al-Jazari sanad daripanya melalui 10 tariq iaitu Qalun (1), al-Azraq (2), al-Duri (1), Ibnu Zakwan (1), Hafs (1), Khalaf (1), Abu al-harith (1), Ruways (1) dan Rouh (1).

15. Al-Raudah fi al-Qira'at al-Ihda 'Asharah

Kitab al-Raudah fi al-Qira'at al-Ihda 'Asharah merupakan kitab yang dikarang oleh Imam Abi 'Ali al-Hasan bin Muhammad bin bin Ibrahim al-Baghdadi al-Maliki (wafat tahun 438H). Disandarkan kepada kitab beliau melalui 28 tariq. Ia berdsarkan Qalun (2), Warsh (1), al-Bazzi (3), al-Duri (1), al-Susi (1), Hisham (1), Ibnu Zakwan (2), Shu'bah (2), Hafs (2), Khalaf (2), Khallad (3), Abu al-Harith (1), Duri al-Kisa'i (2), Ibnu Wardan (2), Ruways (1) dan Rouh (2).

16. Al-Jami' fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab al-Jami' fi al-Qira'at al-'Ashr dikarang oleh Imam Abi al-Husayn Nasr bin 'Abd al-'Aziz bin Ahmad al-Farisi (wafat tahun 461H). Ia berdasarkan 7 tariq iaitu Ibnu Zakwan (1), Ibnu Wardan (1), Ruways (2), Rouh (2) dan Ishaq (1).

17. Al-Tajrid fi al-Qira'at al-Sab'

Kitab al-Tajrid li Bughyat al-Murid fi al-Qira'at al-Sab' merupakan kitab yang dikarang oleh al-Ustaz Abi al-Qasim 'Abd al-Rahman bin Abi Bakar bin 'Atiq, bin Khalaf alSaqli masyhur dengan gelaran Ibn al-Fahham (wafat tahun 516H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 51 tariq. Tariq-tariq tersebut berdasarkan Qalun (6), Warsh (4), Qunbul (1), al-Bazii (3), Qunbul (1), al-Duri (7), al-Susi (2), Hisham (3), Ibnu Zakwan (3), Shu'bah (6), Hafs (3), Khalaf (5), Khallad (4), Abu al-Haris (3) dan Duri al-Kisa'i (1).

18. Mufradah Ya'qub

Kitab Mufradah Ya'qub merupakan karya yang dihasilkan oleh Ibn al-Fahham pengarang Kitab al-Tajrid. Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya lima (5) tariq iaitu turuq bagi Ruways (1) dan Rouh (4).

19. Al-Talkhis fi al-Qira'at al-Thaman

Kitab al-Talkhis fi al-Qira'at al-Thaman adalah karangan Imam Abi Ma'shar 'Abd alKarim bin 'Abd al-Samad bin Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Tabari (wafat tahun 478H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 19 tariq. Bilangan tariq tersebut adalah berdasarkan kepada Qalun (3), Warsh (1), al-Bazzi (1), Qunbul (1), alDuri (2), Hisham (1), Ibnu Zakwan (2), Shu'bah (2), Khalaf (1), Khallad (3), Ruways (1) dan Rouh (1).

20. Raudat al-Huffaz al-Jami' li al-'Ada'

Kitab Raudat al-Huffaz adalah karangan Imam Abi Isma'il bin Musa bin al-Mu'addal yang mengandungi Qira'at 15. Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya 12 tariq iaitu Qalun (1), Warsh (2), al-Bazzi (2), Qunbul (1), al-Duri (1), al-Susi (1), Hisham (2), Shu'bah (1) dan Khallad (1).

21. Al-I'lan fi al-Qira'at al-Sab'

Kitab al-I'lan fi al-Qira'at al-Sab' merupakan karangan Imam Abi al-Qasim 'Abd al-Rahman bin Isma'il bin Yusug al-Safrawi al-Iskandari (wafat tahun 636H). Ibn alJazari menyandarkan kepadanya sebanyak 20 tariq. Jumlah tersebut merujuk kepada Qalun (1), Warsh (2), Qunbul (4), al-Duri (3), Hisham (9) dan Khallad (1).

22. Al-Irshad fi al-Qira'at al-Sab'

Kitab al-Irshad merupakan kitab yang dikarang oleh Imam Abi al-Tayyib 'Abd alMun'im bin Abdullah bin Ghalbun (wafat tahun 389H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya dua tariq sahaja iaitu melalui Riwayat Warsh dan Riwayat al-Bazzi sahaja.

23. Al-Wajiz fi al-Qira'at al-Thaman

Kitab tersebut dikarang oleh al-Ustaz Abi 'Ali al-Hasan bin 'Ali bin Ibrahim bin Yazdad bin Hurmuz al-Ahwazi (wafat tahun 446H). Ibn al-Jazari menyandarkan

kepadanya tiga tariq. Jumlah tariq tersebut berdasarkan Ibnu Zakwan (1), Hafs (1) dan Khalaf (1).

24. Al-Sab‘ah

Kitab al-Sab‘ah adalah kitab yang dihasilkan oleh Imam al-Hafiz Abi Bakr Ahmad bin Musa bin al-‘Abbas bin Mujahid al-Tamimi al-Baghdadi (wafat tahun 324H). Disandarkan kepadanya sebanyak enam tariq oleh Ibn al-Jazari. Bilangan tersebut berdasarkan Qalun (1), Qunbul (1), al-Duri (1), Hisham (1), Shu‘bah (1) dan Abu alHarith (1).

25. Al-Mustanir fi al-Qira’at al-‘Ashr

Kitab al-Mustanir adalah karya yang dihasilkan oleh al-Ustaz Abi Tahir Ahmad bin ‘Ali bin Abdullah bin ‘Umar bin Suwar al-Baghdadi (wafat tahun 496H). Disandarkan kepadanya sebanyak 115 tariq oleh Ibn al-Jazari. Bilangan tersebut berdasarkan Qalun (12), Warsh (2), al-Bazzi (5), Qunbul (2), al-Duri (18), al-Susi (1), Hisham (4), Ibn Zakwan (7), Shu‘bah (7), Hafs (9), Khalaf (9), Khallad (11), Abu al-Harith (6), Duri al-Kisa’i (7), Ibnu Wardan (4), Ibnu Jammaz (1), Ruways (4), Rouh (3) dan Ishaq (3).

26. Al-Mubhij fi al-Qira’at al-Thaman wa Qiraah Ibni Muhaisin wa al-A‘mash wa

Ikhtiar Khalaf wa al-Yazidi

Kitab al-Mubhij adalah karangan Imam Abi Muhammad bin Abdullah bin ‘Ali bin Ahmad bin Abdullah yang dikenali dengan gelaran Sabt al-Khayat al-Baghdadi (wafat tahun 541H). Ibn al-Jazari menyandarkan bacaan kepadanya sebanyak 41 tariq. Jumlah tariq-tariq tersebut melalui Qalun (5), Warsh (1), al-Bazzi (1), Qunbul (1), alDuri (4), al-Susi (2), Hisham (5), Ibnu Zakwan (5), Shu‘bah (6), Hafs (2), Khalaf (2), Khallad (3), Abu al-Harith (1), Duri al-Kisa’i (1), Ruways (1) dan Rouh (1).

27. Al-Jami‘ fi al-Qira’at al-‘Ashr wa Qira’at al-A‘mash

Kitab al-Jami‘ tersebut dikarang oleh Imam Abi al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali bin Faris al-Khayyat al-Baghdadi (wafat sekitar tahu 450H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 34 tariq. Tariq-tariq tersebut berdasarkan Qalun (3), Warsh (1), al-Bazzi (1), Qunbul (1), al-Duri (2), al-Susi (1), Hisham (1), Ibnu Zakwan (1), Shu‘bah (4), Hafs (4), Khalaf (2), Khallad (3), Abu al-Harith (1), Duri alKisa’i (1), Rways (1) dan Rouh (1).

28. Al-Tizkar fi al-Qira’at al-‘Ashr

Kitab al-Tizkar adalah karya yang dihasilkan oleh Abi al-Fath ‘Abd al-majid bin al-Husain bin Ahmad bin ‘Uthman bin Shaita al-Baghdadi (wafat tahun 442H). Ibn alJazari menyandarkan kepadanya sebanyak 19 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Warsh (1), al-Duri (2), Ibnu Zakwan (1), Shu‘bah (2), Hafs (4), Khalaf (1), Khallad (2), Ibnu Wardan (1), Ruways (2), Rouh (2) dan Ishaq (1).

29. Al-Kifayah fi al-Qira'at al-Sitt

Kitab al-Kifayah fi al-Qira'at al-Sitt di karang oleh Imam Sabt al-Khayyat iaitu pemilik Kitab al-Mubhij. Ibn al-Jazari menyandarkan kepada kitab tersebut sebanyak 16 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qalun (2), Qunbul (5), al-Duri (4), Shu'bah (1), Hafs (1), Ishaq (1) dan Idris (2).

30. Al-Muwaddah fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab ini dikarang oleh Imam Abi Mansur Muhammad bin 'Abd al-Malik bin Khairun al-'Atar al-Baghdadi (wafat tahun 539H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada al-Muaddah sebanyak 14 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan kepada al-Duri (2), Shu'bah (1), Khalaf (2), Khallad (2), Abu al-Harith (1), Ibnu Wardan (1), Ibnu Jammaz (1), Ruways (1), Rouh (2) dan Ishaq (1).

31. Al-Miftah fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab al-Miftah dikarang oleh Ibnu Khairun iaitu pemilik Kitab al-Muwaddah. Disandarkan kepada kitab al-Miftah sebanyak 18 tariq oleh Ibn al-Jazari. 18 tariq tersebut berdasarkan Warsh (1), al-Bazzi (1), al-Duri (4), Shu'bah (1), Khalaf (2), Khallad (2), Abu al-Harith (1), Ibnu Wardan (1), Ibnu Jammaz (1), Ruways (1), Rouh (2) dan Ishaq (1).

32. Al-Irshad fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab tersebut dikarang oleh Imam Abi al-'Izz Muhammad bin al-Husain bin Bandar al-Qalansi al-Wasiti (wafat tahun 521H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada kitab tersebut sebanyak 27 tariq. Bilangan tariq-tariq tersebut berdasarkan kepada Qalun (4), al-Bazzi (2), Al-Duri (3), Ibnu Zakwan (6), Shu'bah (2), Hafs (2), Khalaf (1), Ibnu Wardan (3), Ruways (2), Rouh (1) dan Ishaq (1).

33. Al-Kifayat al-Kubra fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab ini dikarang oleh Abi al-'Izz al-Qalansi. Ibn al-Jazari menyandarkan kepada kitab tersebut sebanyak 46 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qalun (5), Warsh (3), al-Bazzi (2), al-Duri (5), al-Susi (2), Hisham (2), Ibnu Zakwan (5), Shu'bah (4), Hafs (4), Khalaf (1), Khallad (2), Abu al-Harith (3), Ibnu Wardan (3), Ruways (3), Rouh (1) dan Ishaq (1).

34. Ghayat al-Ikhtisar fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab Ghayat al-Ikhtisar merupakan karya yang dihasilkan oleh Imam al-hafiz al-Kabir Abi al-'Ala' al-Hasan bin Ahmad bin al-Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-'Atar al-Hammazani (wafat tahun 569H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada Kitab Ghayat al-Ikhtisar sebanyak 48 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qalun (3), Warsh (2), Al-Bazzi (2), al-Duri (8), al-Susi (2), Hisham (1), Ibnu Zakwan (8), Shu'bah (2), Hafs (4), Khalaf (1), Khallad (2), Abu al-Harith (2), Duri al-Kisa'i (1), Ibnu Wardan (1), Ruways (3), Rouh (4), Ishaq (1) dan Idris (1).

35. Al-Ghayah fi al-Qira'at al-'Ashr

Kitab tersebut dikarang oleh Imam Abi Bakr Ahmad bin al-Husain bin Mihran al-Asbahani al-Naisaburi (wafat tahun 381H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada Kitab al-Ghayah fi al-Qira'at al-'Ashr sebanyak 16 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qalun (2), Warsh (1), Al-Duri (1), Ibnu Zakwan (1), Shu'bah (2), Khalaf (1), Khallad (3), Abu al-Harith (1), Ibnu Wardan (1), Ruwayas (1), Rouh (1) dan Ishaq (1).

36. Al-Misbah al-Zahir fi al-Qira'at al-'Ashr al-Bawahir

Kitab al-Misbah merupakan kitab yang dihasilkan oleh al-Ustaz Abi al-Karami al-Mubarak bin al-Hasan bin Ahmad bin 'Ali bin Fathan al-Shahrazuri al-Baghdadi (wafat tahun 550H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada Kitab al-Misbah sebanyak 97 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan Qalun (2), Warsh (3), al-Bazzi (3), Qunbul (6), al-Duri (16), al-Susi (4), Hisham (3), Ibnu Zakwan (4), Shu'bah (15), Hasf (6), Khalaf (3), Khallad (2), abu al-Harith (3), Duri al-Kisa'i (2), Ibnu Wardan (8), Ibnu Jammaz (3), Ruways (4), Rouh (6), Ishaq (1) dan Idris (3).

37. Al-Kamil fi al-Qira'at al-'Ashr wa al-'Arba'in al-Za'idah 'Alaiha

Kitab al-Kamil dikarang oleh Imam Abi al-Qasim Yusuf bin 'Ali bin Jubarah bin Muhammad bin 'Aqil al-Huzali al-Maghribi (wafat tahun 465H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada Kitab al-Kamil sebanyak 136 tariq. Bilangan tersebut berdasarkan Qalun (8), Warsh (15), al-Bazzi (7), Qunbul (2), al-Duri (15), al-Susi (3), Hisham (8), Ibnu Zakwan (18), Shu'bah (6), Hafs (5), Khalaf (7), Khallad (5), Abu al-Harith (4), Duri al-Kisa'i (2), Ibnu Wardan (4), Ibnu Jammaz (4), Ruways (8), Rouh (9), Ishaq (2) dan Idris (2).

Bacaan Hafs Tariq Al-Nashr

Al-muhaqqiq Ibnu al-Jazari telah memilih Riwayat Hafs (Hafs bin Sulaiman, wafat 180H) melalui dua tariq, iaitu: 'Ubaid bin al-Şabbāh dan 'Amr bin al-Şabbāh.

'Ubaid bin al-Şabbāh (Abu Muhammad al-Nahshali, wafat 235H) melalui dua tariq, iaitu al-Ashnāni daripada 'Ubaid, melalui dua tariq: Abu al-'Abbas Ahmad bin Sahl (wafat 307H) dan al-Hāshimi (Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad, wafat 368H), serta Abu Ṭahir (Ibn Abi Hashim, wafat 349H).

'Amr bin al-Şabbāh (Abu Hafs al-Baghdadi al-Ḍarir, wafat 221H) pula melalui dua tariq, iaitu al-Fīl (Ahmad bin Muhammad al-Fāmi, wafat 289H) dan Zar'ān (Zar'ān bin Ahmad Abu al-Hasan al-Baghdadi, wafat 290H).

Seterusnya, beliau memilih Tariq al-Hāshimi daripada sepuluh tariq dan Tariq Abu Ṭahir daripada empat belas tariq serta Tariq al-Fīl daripada empat belas tariq. Selain

itu, beliau turut mengambil tambahan daripada Raudhat al-Mu‘addal berdasarkan pentahriran al-Azmiriyy sebagai tambahan kepada apa yang terdapat dalam al-Nashr. Beliau juga memilih Tariq Zar‘ān daripada empat belas tariq serta mengambil tambahan daripada Raudhat al-Mu‘addal berdasarkan pentahriran al-Azmiri sebagai tambahan kepada apa yang terdapat dalam al-Nashr.

Maka, keseluruhan tariq bagi Riwayat Hafs berjumlah lima puluh dua tariq, manakala berdasarkan pentahriran al-Azmiri jumlah tersebut menjadi lima puluh tujuh tariq. Sebagai perbandingan, empat tariq telah dipilih bagi menilai perbezaan sebahagian turuq Hafs. Usul utama yang menyebabkan berlaku khilaf dalam Riwayat Hafs adalah (1) al-madd al-munfasil. (2) al-madd al-munfasil. (3) al-sakt ‘ala al-sakin qabl alhamzah. (4) ghunnah al-lam wa al-ra’. (5) al-Takbir.

Sehubungan itu, satu tariq bacaan tawassut / fuwaiq al-tawassut dipilih daripada alShatibiyyah, satu tariq dengan qasr al-madd al-munfasil dipilih daripada kitab Raudhat al-Mu‘addal, satu tariq dengan al-sakt dipilih daripada kitab al-Tidhkār dan satu tariq bacaan ghunnah al-lam wa al-ra’ dipilih daripada kitab al-Kāmil.

Contoh Wajah Bacaan Riwayat Hafsh melalui Empat Turuq al-Nashr

TURUQ	Tariq ‘Ubaid bin al-Şabbāḥ	Tariq ‘Ubaid bin al-Şabbāḥ	Tariq ‘Amr bin al-	Tariq ‘Amr bin al-Şabbāḥ
	al-Ashnāni	al-Ashnāni	al-Fil	Zar‘ān
	al-Hāshimi	Abu Tahir	al-Waliyy	al-Qalansi
	Al-Dani (daripada Ibnu Ghalbun)	al-Hammami	al-Hammami	al-Hammami
	al-Shatibiyyah	al-Tidhkar	al-Kamil (al-Huzali)	Raudhat al-Mu‘addal
BAB				

Takbir antara surah	Tiada	Tiada	1. Tiada 2. Ada takbir dari akhir Surah al-Ḍuḥā 3. Ada pada awal setiap surah	Tiada
Mad munfasil (فِيدَا أَنْزَلَتْ)	4/5 harakat*	Tawassut	2 atau 3 harakat	Qasr
Mad muttasil (نَشَاءُ)	4/5 harakat*	Ishba‘	Ishba‘	Tawassut
Mad ta‘zim (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)	Tiada	Tiada	Ada bersama qasr mad munfasil	Tiada
Ghunnah nun ketika bertemu lam dan ra’	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
Sakt umum (وَالْأَرْضِ، شَيْئًا وَمِنْ أَقْفَى) (يَسْتَلْكُمُوهَا)	Tiada	Dua wajah	Tiada	Tiada
(وَيَبْصُرُ) al-Baqarah	Dibaca dengan sīn	Dibaca dengan sīn	Dibaca dengan ṣād	Dibaca dengan sod
(بِصْرَةً) al-A‘rāf	Dibaca dengan sīn	Dibaca dengan sīn	Dibaca dengan ṣād	Dibaca dengan sod
(الْمَصْطَبُونَ) al-Ṭūr	Dibaca dengan sīn / sod	Dibaca dengan sīn	Dibaca dengan sīn	Dibaca dengan sīn
(بِمَصْبُورٍ) al-Ghāshiyah	Dibaca dengan ṣād	Dibaca dengan sod	Dibaca dengan ṣād	Dibaca dengan ṣīn
ءَالذِّكْرَيْنِ (ءَالذِّكْرَيْنِ، ءَاللَّهِ، ءَاللَّيْنِ)	Tashil dan ibdal	Ibdal	Ibdal	Ibdal
(يَلْهَيْتَ ذَلِكَ) al-A‘rāf	Idgham huruf tha’ ke dalam dhal	Idgham huruf tha’ ke dalam dhal	Idgham huruf tha’ ke dalam dhal	Idgham huruf tha’ ke dalam dhal

TURUQ	Tariq ‘Ubaid bin al-Şabbāḥ	Tariq ‘Ubaid bin al-Şabbāḥ	Tariq ‘Amr bin al-	Tariq ‘Amr bin al-Şabbāḥ
	al-Ashnāni	al-Ashnāni	al-Fil	Zar‘ān
	al-Hāshimi	Abu Tahir	al-Waliyy	al-Qalansi
	Al-Dani (daripada Ibnu Ghalbun)	al-Hammami	al-Hammami	al-Hammami
	al-Shatibiyyah	al-Tidhkar	al-Kamil (al-Huzali)	Raudhat al-Mu‘addal
BAB				

(أَرْكَبَ مَعْنَا) Hūd	Dibaca dengan idgham	Dibaca dengan idgham	Dibaca dengan izhar	Dibaca dengan idgham
(لَا تَأْمُنَا) Yūsuf	Ishmam dan raum	Ishmam	Ishmam	Ishmam
Sakt pada (عَوْجًا، مَرْقَدْنَا، مَنْ رَاقٍ، بَلَّ رَانَ)	Dibaca dengan sakt	Tidak dibaca dengan sakt	Tidak dibaca dengan sakt	Tidak dibaca dengan sakt

Mad pada huruf ‘ain (كَيْهَيْعَصَن، عَسَق)	Tawassut dan ishba‘	Tawassut	Tawassut dan ishba‘	Qasr
Ra’ dalam (فَرَقِ) al-Shu‘arā’	Dibaca dengan tafkhim dan tarqiq	Dibaca dengan tafkhim	Dibaca dengan tafkhim	Dibaca dengan tafkhim
Ya’ dalam (فَمَا) (عَائِلِيْح) al-Naml	Dibuang atau dikekalkan ketika waqaf	Dibuang ketika waqaf	Dibuang ketika waqaf	Dibuang ketika waqaf
(صَضَعْف، صَضَعْفَا) al-Rūm	Dibaca dengan fathah dan ḍammah	Dibaca dengan fathah	Dibaca dengan fathah	Dibaca dengan dommah
(يَسِن وَالْفَرْءَان) Yāsīn	Izhar nun ketika bertemu wau	Izhar	Izhar nun ketika bertemu wau	idgham nun ketika bertemu wau
(ن وَالْقَلَم) al-Qalam	Izhar nun ketika bertemu wau	Izhar	Izhar nun ketika bertemu wau	idgham nun ketika bertemu wau
**Ha’ dalam (مَالِيَةِ) (هَلَاك) **	Izhar dan idgham (jumhur memilih izhar)	Izhar ha’	Izhar ha’	Izhar ha’
(سَلْسَلَا) al-Insān	Alif dibuang atau dikekalkan ketika waqaf	Alif dibuang ketika waqaf	Alif dikekalkan ketika waqaf	Alif dibuang ketika waqaf
(أَلَمْ نَخْلُقَكُمْ)	Idgham kamil	Idgham kamil	Idgham kamil	Idgham kamil

Kertas Kerja Ketiga

**ANALISIS PERBEZAAN QIRAAT:
TINJAUAN METODOLOGI DALAM SURAH AL-FATIAH DAN SURAH
LAZIM (AD-DHUHA HINGGA AN-NAS)**

Oleh

Ustaz Muhammad Amiri Bin Ab. Ghani

Pengurus Besar KIAS Insani Sdn. Bhd

**ANALISIS PERBEZAAN QIRAAT:
TINJAUAN METODOLOGI DALAM SURAH AL-FATIHAH DAN SURAH LAZIM (AD-
DHUHA HINGGA AN-NAS)**

Oleh :
Ustaz Muhammad Amiri Bin Ab. Ghani^ﷲ

1.0 Pendahuluan

Kertas kerja ini menumpukan kepada analisis perbezaan qirā'āt melalui tinjauan metodologi Qirā'āt Sepuluh, yang diaplikasikan dalam Surah al-Fātiḥah serta surah-surah lazim bermula daripada Surah ad-Ḍuḥā hingga Surah an-Nās.

Dalam konteks kajian ini, istilah “metodologi qirā'āt” digunakan untuk merujuk kepada kaedah bacaan para imam (usul qirā'āt)¹, bagi membezakan kaedah dan khilaf bacaan yang wujud dalam qirā'āt mutawātir. Istilah ini tidak merujuk kepada metodologi penyelidikan secara umum, tetapi lebih kepada cara bacaan yang sahih dan mutawātir menurut disiplin ilmu qirā'āt, khususnya dalam surah-surah yang sering dibaca dalam amalan ibadah harian umat Islam.

Kajian ini dilaksanakan berasaskan dua tariq utama, iaitu Tariq al-Syāṭibiyah bagi Qirā'āt Tujuh dan Tariq al-Durrah bagi pelengkap Qirā'āt Sepuluh

2.0 Metodologi dalam Surah al-Fātiḥah dan Surah Lazim (Ad-Ḍuḥā Hingga An-Nās)

Menurut Kamus Dewan (2019), metodologi merujuk kepada sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu disiplin ilmu.

Dalam konteks pembelajaran Ilmu Qirā'āt, Mohd Zaini Shafiai (2022) menyatakan bahawa terdapat dua kaedah utama, iaitu:

2.1 Kaedah ilmi (teori):

- i. Merangkumi Usul al-Qirā'āt dan Farsh al-Hurūf
- ii. Memberikan asas teori dan prinsip bacaan

^ﷲ Pengurus Besar KIAS Insani Sdn. Bhd., Pensyarah Fakulti Usuluddin Dan Al-Quran & Sunnah (Fuqs) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, B.A Usuluddin Universiti al-Azhar, Mesir, Ijazah Sanad Qiraat Sepuluh daripada Syaikh Ridha Salim Ali Sayyed Ahmad, Ijazah Sanad Riwayat Hafs dan Qiraat Nafi' daripada al-Marhum Syaikh Mustafa bin Ahmad bin Abdul al-'Al al-Halawani dan Sanad Riwayat Hafs Tariq al-Tayyibah daripada Syaikh Muhammad Abdul al-Sattar al-Syaikh, sanad Qiraat Ibnu 'Amir Tariq Tayyibah daripada Dr. Syaikh Hisham Atho' Muhammad Mahjub Ibrahim.

2.2 Kaedah amaliy (praktikal)

- i. Meliputi bacaan al-Qur'ān secara ifrad (individu) dan jama' (berkelompok)
- ii. Bertujuan untuk mempraktikkan bacaan berdasarkan kaedah teori

3.0 Usul Qirā'āt dalam Surah al-Fātiḥah dan Surah Lazim


Dalam kajian ini, beberapa usul qirā'āt utama yang dianalisis termasuk:

- i. Madd dan Qasr – kaedah memanjangkan atau memendekkan huruf tertentu.
- ii. Nun Sakinah dan tanwin – perbezaan hukum antara idgham ma'al ghunnah, bi la ghunnah dan ikhfa' haqiqi
- iii. Idgham Kabir – kaedah menyatukan huruf tertentu.
- iv. Mim Jama'
- v. Naqal dan ال – pemindahan baris kepada huruf sakin, atau bacaan saktah dan tahqiq
- vi. Imālah dan Fath – bacaan yang condong ke arah “e” atau “a”.
- vii. Huruf Ra' - ditarqiqkan dan ditafkhimkan
- viii. Huruf Lam – keadaan lam yang dibaca taghliz
- ix. Hamzah mufrad – perbezaan bacaan berkaitan huruf hamzah dan cara pengucapannya.
- x. Ha' dhamir – perbezaan di antara bacaan silah atau tanpa silah dan di antara baris kasrah atau dhammah
- xi. Dua hamzah dalam satu kalimah – perbezaan bacaan antara tahqiq, tashil, ibdal dan hazaf
- xii. Waqaf pada kalimah hamzah – kaedah berhenti pada huruf hamzah.
- xiii. Ya' Idhāfah – bacaan ya' antara difatahkan atau dimatikan
- xiv. Ya' Zā'idah – bacaan ya' dalam keadaan tambahan atau di hazaf.

3.1 Madd dan Qasr

3.1.1 Mad Munfasil;

Mad Munfasil ialah huruf mad bertemu dengan hamzah qata' pada kalimah yang lain walaupun bersambung pada rasmnya. Misalnya ;




Keterangan hukum bacaan bagi Mad Munfasil :

- i. Mad Munfasil dipanjangkan dengan kadar dua harakat (qasr) sahaja.
 - Qiraat Ibnu Kathir, riwayat al-Susiyy, qiraat Abu Ja'far dan Ya'qub
- ii. Harus dibaca dengan dua wajah iaitu qasr dan tawassut.
 - Riwayat Qalun dan al-Duriyy :
- iii. Memanjangkan Mad Munfasil dengan kadar enam harakat (isyba').
 - Riwayat Warsydan Qiraat Hamzah
- iv. Memanjangkan dengan kadar empat harakat (tawassut).
 - Selain qiraat dan riwayat di atas :


3.1.2 Mad Silah

Kadar harakat Mad Silah Tawilah sama dengan Mad Munfasil, seperti ;



3.1.2 Mad Muttasil ;

iaitu apabila salah satu daripada huruf mad bertemu dengan huruf hamzah qata' dalam satu kalimah. Contohnya ;




Keterangan hukum bacaan bagi Mad Muttasil ;

- i. Memanjangkan enam harakat (isyba') pada Mad Muttasil. Warsy dan Hamzah
- ii. Memanjangkan dengan empat harakat (tawassut). Selain Warsy dan Hamzah

3.1.3 Mad Badal ;

laitu huruf mad yang terletak selepas hamzah qata' dalam satu kalimah seperti;





Hukum bacaan Mad Badal sepertimana berikut;

- i. Harus tiga wajah pada Mad Badal iaitu 2, 4 atau 6 harakat bagi Riwayat Warsy 'an Nafi'
- ii. Baca dengan dua harakat Sahaja bagi selain riwayat Warsy.



3.2 Nun Sakinah Atau Tanwin

3.2.1 Apabila nun sakinah atau tanwin bertemu dengan huruf wau atau ya', ulama' qurra' khilaf dari segi bacaannya ;



Keterangan :

- i. Dibaca dengan hukum idgham bi la ghunnah (memasukkan tanpa dengung).
Riwayat Khalaf 'an Hamzah
 - ii. Baca dengan hukum idgham ma'al ghunnah.
Selain riwayat Khalaf 'an Hamzah
- 3.2.2 Apabila nun sakinah atau tanwin bertemu dengan huruf kha' atau ghain hanya imam Abu Ja'far yang membaca dengan hukum ikhfa' haqiqi. Imam-imam lain membaca dengan hukum izhar halqi.



3.3 Idgham Kabir ;

Idgham ialah melafazkan atau menyebut dua huruf, menjadi satu huruf yang bertasydid (memasukkan huruf pertama ke dalam huruf yang kedua).

Apabila huruf yang diidghamkan itu berbaris, maka ianya dikenali sebagai Idgham Kabir. Idgham Kabir adalah masyhur bagi riwayat al-Susiy. Hukum ini terjadi apabila bertemunya dua huruf yang sama pada makhraj dan sifat atau sejenis pada makhraj, atau berhampiran

Contoh 1: Surah al-Fatihah sekiranya disambungkan ayat 3 dengan ayat 4;

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ تَلِكِ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٤﴾

Imam al-Susiy membaca dengan hukum idgham kabir iaitu memasukkan mim yang terletak di akhir kalimah ﴿الرَّحِيمِ﴾ ke dalam mim yang terletak di awal kalimah ﴿مَلِكِ﴾ dan harus dimadkan 2, 4 atau 6 harakat sebelum idgham ; ﴿الرَّحِيمِ مَلِكِ﴾.

Contoh 2: Surah al-'Adhiyat ayat 1, 3 dan 8:

وَالْعَدِيدِ ضَبْحًا ﴿١﴾ فَأَلْغِيْرَاتِ ضَبْحًا ﴿٣﴾ ... لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

Mengidghamkan huruf Ta' ke dalam huruf dhad, huruf sod. Begitu juga mengidghamkan huruf Ra' ke dalam huruf Lam.

3.4 Mim Jama'

Mim Jama' ialah mim tambahan yang menunjukkan kepada jama' bagi muzakkar (lelaki). Terdapat dua tanda untuk mengenali mim jama' iaitu :

- i. Apabila huruf mim dan huruf sebelumnya itu bukanlah daripada asal kalimah (bukan menunjukkan kepada satu kalimah).
- ii. Apabila mim jama' terletak selepas salah satu daripada tiga huruf berikut:

a. Ha al-dhamir, misalnya :

﴿عَلَيْهِمْ﴾

b. Kaf al-dhamir, misalnya:

﴿عَلَيْكُمْ﴾

c. Ta', misalnya :


﴿أَنْتُمْ﴾

Keterangan bacaan hukum Mim Jama' :

Di kalangan imam Qiraat Sepuluh, bacaan yang berkaitan dengan mim jama' adalah sebagaimana berikut;

- 3.4.1 Mematikan mim jama' apabila selepasnya terdapat huruf berbaris selain hamzah qata'.
 - Qiraat Abu Amr, Ibnu 'Amir, 'Asim, AL-Kisa'I, Ya'qub dan Khalaf al-'Asyir.
- 3.4.2 Membaca dengan silah mim jama' beserta mad enam harakat apabila selepasnya terdapat hamzah qata'.
 - Riwayat Warsy daripada imam Nafi'.
- 3.4.3 Membaca dengan silah dua harakat samada bertemu hamzah qata' atau selainnya.
 - Qiraat Ibnu Kathir dan Abu Ja'far.
- 3.4.4 Harus dibaca dengan iskan atau silah mim jama' dan disilahkan dua harakat apabila bertemu dengan huruf berbaris selain hamzah qata'. Sekiranya bertemu hamzah qata' maka harus dimadkan ketika bacaan silah iaitu dua atau empat harakat.
 - Riwayat Qalun 'an Nafi'

Misalnya:



- 3.4.5 Mim jama' yang terletak selepas ha' dhamir, dan sebelumnya terdapat ya' sakinah;
 - i. Qiraat Ya'qub membaca kalimah ﴿عَلَيْهِمْ﴾ dengan ha' berbaris hadapan kerana sebelumnya terdapat ya' sakinah¹. Manakala mim jama' pula dimatikan. Bacaannya adalah seperti berikut ; ﴿تَرْمِيهِمْ﴾ , ﴿عَلَيْهِمْ﴾

¹ Imam Ya'qub membaca dengan baris hadapan setiap *ha' dhamir* sama ada *jama'* bagi *muzakkar* seperti kalimah ini atau ﴿تَرْمِيهِمْ﴾ atau *mu'annath* ﴿عَلَيْهِنَّ﴾ ataupun *muthanna* ﴿عَلَيْهِمَا﴾ apabila ia terletak selepas ya' mati. *Wajah* tambahan bagi Ruwais ialah *ha' dhamir* dibaca juga dengan baris hadapan walaupun huruf ya' sebelumnya di*hazaf* kerana *jazam* atau kerana *bina'* seperti al-A'raf :169; ﴿وَإِنْ يَأْتِيهِمْ عَرَضٌ﴾, dan al-Hijr : 3; ﴿وَيُلْهِمُهُمُ الْآمَلُ﴾.

- ii. Qiraat Hamzah membaca kalimah ini ﴿عَلَيْهِمْ﴾² dengan ha' berbaris hadapan dan mematikan mim jama' ﴿عَلَيْهِمْ﴾.
- iii. Selain daripada qiraat di atas : Membaca kalimah ini dengan ha' berbaris bawah dan mematikan mim jama' apabila selepasnya terdapat huruf yang berbaris.

3.5 Naqal Dan “ ال ”

Maksud naqal ialah memindahkan baris hamzah kepada huruf sakin sebelumnya berserta dihapuskan hamzah tersebut. Ianya berlaku pada keadaan berikut;

- i. Wasal dan waqaf
- ii. Waqaf sahaja

Riwayat yang masyhur bacaan naqal samada wasal atau waqaf ialah Riwayat Warsy 'an Nafi'. Walaubagaimanapun mensyaratkan huruf yang mati selain huruf mad terletak di akhir kalimah, manakala huruf hamzah qata' yang berbaris pula terletak di awal kalimah berikutnya (Sakin Mafsul).

Misalnya ;

﴿عَلَيْهِمْ﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿عَلَيْهِمْ﴾	﴿عَلَيْهِمْ﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿عَلَيْهِمْ﴾
---	---

Dibaca naqal;

﴿عَلَيْهِمْ﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿عَلَيْهِمْ﴾	﴿عَلَيْهِمْ﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿عَلَيْهِمْ﴾
---	---

Manakala qiraat Hamzah pula membaca dengan hukum naqal hanya ketika waqaf sahaja samada pertemuan huruf mati dengan hamzah qata' itu berlaku dalam satu kalimah (sakin mausul) atau dua kalimah (sakin mafsul). Berikut adalah huraian bagi kedua-dua keadaan itu;

² Begitu juga kalimah ﴿لَدَيْهِمْ﴾, ﴿إِلَيْهِمْ﴾.

3.5.1 Sakin Mafsul:

- a) Khalaf Hamzah :
 - i. Ketika Wasal :

Tahqiq	saktah
طَيْرًا أَبَائِلَ	طَيْرًا أَبَائِلَ

- ii. Ketika Waqaf :

Tahqiq	Saktah	Naqal
طَيْرًا أَبَائِلَ	طَيْرًا أَبَائِلَ	طَيْرَنَ بَائِلَ

- b) Khallad :
 - i. Ketika Wasal :

Tahqiq
طَيْرًا أَبَائِلَ

- ii. Ketika Waqaf :

Tahqiq	Naqal
طَيْرًا أَبَائِلَ	طَيْرَنَ بَائِلَ

3.5.2 Sakin Mausul ketika waqaf sahaja bagi Khalaf dan Khallad:

⌚ الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ← ⌚ الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ

3.5.3 Bagi hukum “ ال ” bertemu huruf hamzah huraiannya sepertimana berikut ;

⌚ إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا

- i. **Warsy** : Baca dengan naqal sama ada wasal atau waqaf pada kalimah tersebut.

إِذَا زُلْزِلَتْ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا

- ii. **Khalaf Hamzah** :

- a. **Waqaf** : Harus dibaca dua wajah iaitu saktah dan naqal. Bacaan naqal adalah sama dengan riwayat **Warsy**.
b. **Wasal** : Dibaca dengan saktah sahaja.

إِذَا زُلْزِلَتْ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا

- iii. **Khallad** :

- a. **Waqaf** : Harus dibaca dua wajah iaitu saktah dan naqal. Bacaan naqal adalah sama dengan riwayat **Warsy**.
b. **Wasal** : Harus dibaca dengan dua wajah iaitu saktah dan tahqiq.

- iv. **Selain daripada riwayat dan qiraat di atas** : Baca dengan tahqiq sama ada wasal atau waqaf.

3.6 Imālah dan Fath

Pada bahasa ialah, membengkok atau mencondong.

Manakala pada Istilah pula dibahagikan kepada dua iaitu:

- i. **Imalah Kubra** (كبرى) : Menghampirkan bunyi sebutan fathah (baris atas) kepada bunyi sebutan kasrah (baris bawah) dan menghampirkan huruf alif kepada huruf ya', dengan tidak menukarkan sepenuhnya keadaan itu, juga tidak melampau pada menyebutnya³.
ii. **Imalah Sughra** (صغرى) : Pengucapan antara bunyi baris atas dan Imalah Kubra. Dinamakan juga sebagai Taqlil (تقليل) dan Baina-baina ⁴ ﴿بَيْنَ بَيْنٍ﴾.

Di dalam usul qiraat hukum imalah melibatkan kalimah-kalimah tertentu dan kaedah-kaedah tertentu.

³ Apabila diitlaqkan lafaz *Imalah*, maka pengertian inilah yang dimaksudkannya.

⁴ Iaitu pertengahan antara bunyi *al-fath* dan *al-imalah*.

3.6.1 Antara kalimah-kalimah yang berkaitan dengan imalah ;

Pertama: ﴿النَّاسِ﴾

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾

- i. Al-Duriyy Abu ‘Amr : Baca dengan imalah pada kalimah ﴿النَّاسِ﴾. Kalimah ini diimalahkan apabila sin berbaris di bawah⁵.
- ii. Selain Al-Duriyy Abu ‘Amr : Membaca kalimah ini dengan fatah.

Kedua: ﴿جَاءَ﴾

- i. Ibnu Zakuan, Hamzah dan Khalaf al-‘Asyir: Membaca dengan imalah⁶ mengikut kadar harakat Mad Muttasil bagi imam-imam tersebut.
- ii. Selain daripada qiraat dan riwayat di atas: Baca dengan fatah.

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾

Ketiga: ﴿عَابِدٌ﴾ dan ﴿عَبِيدُونَ﴾

Riwayat Hisyam ‘an Ibn Amir : membaca dengan imalah pada alif selepas huruf ‘ain⁷.

⁵ Sekiranya sin berbaris di atas atau hadapan maka tidak diimalahkan.

⁶ Ibnu Zakuan juga membaca imalah pada kalimah ﴿شَاءَ﴾. Begitu juga Khalaf al-‘Asyir mengimalahkan kalimah ﴿رَانَ، شَاءَ﴾. Manakala imam Hamzah pula membaca imalah kalimah-kalimah daripada fi‘il madhi thulathi pada sepuluh af‘al ; ﴿خَافَ، رَانَ، حَابَ، جَاءَ، زَادَ، شَاءَ﴾ ; ﴿زَاغَ، حَاقَ، ضَاقَ، طَابَ﴾, kecuali ﴿زَاغَتِ﴾ di dalam surah al-Ahzab:10 dan surah Sod : 63.

⁷ Antara kalimah yang dibaca dengan imalah bagi Hisyam ialah ; ﴿إِنَّهُ﴾ surah al-Ahzab:53, ﴿وَمَشَارِبُ﴾

surah Yaasiin : 73, ﴿ءَانِيَةَ﴾ surah al-Ghasyiyah : 5.

Keempat: ﴿رَاءُ﴾

- i. Imalah huruf ra' dan huruf hamzah.
 - Syu'bah, Hamzah, Al-Kisa'i dan Khalaf al-'Asyir
- ii. Baca huruf ra' dan hamzah dengan taqlil berserta tiga wajah pada Mad Badal iaitu 2, 4 dan 6 harakat
 - Riwayat Warsy 'an Nafi'
- iii. Imalah huruf hamzah sahaja.
 - Qiraat Abu 'Amr
- iv. Harus dibaca dengan dua wajah iaitu imalah dan fatah pada huruf ra' dan hamzah.
 - Riwayat Ibnu Zakuan 'an Ibn 'Amir
- v. Baca dengan fatah:
 - Selain daripada qiraat dan riwayat di atas

Kelima: Kalimah (أَدْرَبَكَ)

- i. Baca dengan imalah sughra (taqlil).
 - Riwayat Warsy
- ii. Baca dengan imalah kubra.
 - Qiraat Abu 'Amr, riwayat Syu'bah, Qiraat Hamzah, Al-Kisa'i dan Khalaf al-'Asyir
- iii. Harus dibaca dengan dua wajah iaitu fatah dan imalah.
 - Riwayat Ibnu Zakuan
- iv. Baca dengan fatah.
 - Selain daripada qiraat dan riwayat di atas

3.6.2 Antara kaedah-kaedah tertentu bacaan imalah;**Pertama: Zi al-Ya';**

Maksud zi al-Ya' ialah alif yang ditukarkan daripada ya' atau dirasm dengan ya'

Contohnya ;

مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ، وَمَا كَسَبَ

Keterangan bacaan bagi hukum zi al-Ya':

- i. Harus dibaca dengan dua wajah pada zi al-ya' iaitu fatah dan taqlil.
 - **Riwayat Warsy 'an Nafi'**
- ii. Membaca dengan imalah.
 - **Qiraat Hamzah, Al-Kisa'i dan Khalaf al-'Asyir**
- iii. Membaca dengan fatah
 - **Selain daripada qiraat dan riwayat di atas**

Kedua: Zawati Al-Ya'⁸ ﴿ذوات الياء﴾ Yang Terletak Pada Ru'us al-Ayi ;⁹ ﴿رؤوس الآي﴾

Misalnya pada kalimah-kalimah di bawah daripada surah al-'Alaq ;

﴿لِيَطْنِي﴾ ... ﴿أَسْتَعْنِي﴾ ... ﴿الرُّجْعِي﴾ ... ﴿يَنْهَى﴾ ... ﴿صَلَّى﴾ ... ﴿أَهْدَى﴾
 ﴿بِالتَّقْوَى﴾ ... ﴿وَتَوَلَّى﴾

Keterangan bacaan qiraat sepuluh bagi keadaan di atas adalah sebagaimana berikut ;

- i. Baca dengan imalah sughra (taqlil).
 - Riwayat Warsy 'an Nafi' dan Qiraat Abu 'Amr
- ii. Baca dengan imalah kubra.
 - Qiraat Hamzah, Al-Kisa'i dan Khalaf al-'Asyir :
- iii. Baca dengan fatah
 - Selain daripada qiraat dan riwayat di atas :

Ketiga: Ha' Al-Ta'nith ;

Qiraat Al-Kisa'i apabila waqaf pada kalimah yang berakhir dengan ha' al-ta'nith maka dibaca dengan imalah satu wajah sahaja sekiranya didahului oleh salah satu daripada huruf-huruf yang terkandung dalam ungkapan ; ﴿فَجَثَّتْ بَيْنَبُ لِدُودِ شَمْسٍ﴾

⁸ Kata *jama'* bagi ﴿ذات﴾ iaitu *alif* yang ditukarkan daripada *ya'* atau *dirasm* dengan *ya'*.

⁹ Terletak pada akhir ayat dan boleh juga diertikan sebagai lafaz yang menjadi pemisah antara satu ayat dengan ayat seterusnya.

Contohnya:

﴿وَبَلِّغْ لِكُلِّ هُمْزَةٍ لُّمَزَةٍ﴾

Begitu juga dibaca dengan imalah sahaja sekiranya ha' al-Ta'nith terletak sebelum daripada huruf-huruf yang terhimpun dalam ungkapan “ أَكْهَرُ ” dan baris sebelumnya pula huruf berbaris di bawah ataupun terdapat ya' mati, misalnya;

﴿نَاصِيَةٍ كَذِبَةٍ خَاطِئَةٍ﴾

Sekiranya huruf sebelum daripada huruf-huruf yang terhimpun dalam ungkapan “ أَكْهَرُ ” berbaris atas atau bukan ya' sakinah maka harus dibaca dua wajah. Misalnya;

﴿الْقَارِعَةُ﴾ ﴿مَا الْقَارِعَةُ﴾

﴿رَسُولٌ مِّنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُّطَهَّرَةً﴾

Keempat: Zi Al-Ra'¹⁰ ﴿ذِي الرَّاءِ﴾ :

laitu Alif yang terletak pada akhir kalimah dan sebelumnya terdapat huruf ra', sama ada ianya ditukarkan daripada ya' atau merupakan Alif al-Ta'nith. Misalnya¹¹;

﴿الْمُرِّيَعَلِمُ بِأَنَّ اللَّهَ يَرِي﴾

Kelima: Apabila ra' yang berbaris bawah terletak di hujung kalimah dan sebelumnya terdapat huruf alif seperti نَارٍ atau seumpamanya iaitu bacaannya adalah seperti berikut ;

- i. Warsy: Baca dengan taqlil.
- ii. Abu 'Amr dan al-Duriyy al-Kisa'i : Baca dengan imalah.
- iii. Selain daripada qiraat dan riwayat di atas : Baca dengan fatah.

3.7 Huruf Ra'

Hukum tarqiq ra' yang berbaris atas atau hadapan adalah masyhur bagi riwayat Warsy berdasarkan tariq al-Syatibiyah.

Riwayat Warsy membaca dengan tarqiq huruf ra bagi keadaan sebagaimana berikut:

¹⁰ Iaitu Alif yang terletak pada akhir kalimah dan sebelumnya terdapat huruf ra', sama ada ianya ditukarkan daripada ya' atau merupakan *Alif al-Ta'nith*.

¹¹ أَشْتَرِي ، وَتَرِي ، أَلَذِّكْرِي ، بُشْرِي ، أَسْرِي ، أُحْرِي ، أَفْتَرِي ، سُكْرِي

3.7.1 Huruf Ra' terletak selepas huruf berbaris di bawah;

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Namun sekiranya selepas huruf Ra' terdapat huruf isti'la', ianya dibaca tafkhim. Misalnya;

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

3.7.2 Huruf Ra' terletak selepas ya' sakinah.

﴿ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ. ﴿٧﴾ ﴾

3.7.3 Terdapat huruf mati yang menjadi pemisah di antara baris kasrah lazimah¹² dengan ra'.

﴿ وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ﴿٢﴾ ﴾

Tetapi sekiranya huruf yang mati sebelum ra' itu ialah “ق، ط، ص” , maka ra' ditafkhimkannya. Misalnya ;

﴿ وَقَرَأَ ﴾ , ﴿ قَطْرًا ﴾ , ﴿ مَصْرًا ﴾ .

Selain daripada riwayat Warsy: Membaca dengan tafkhim ra' yang berbaris atas atau hadapan ketika wasal. Apabila waqaf ianya

3.8 Huruf Lam

Apabila lam berbaris di atas terletak selepas salah satu daripada huruf berikut iaitu “ص ، ط ، ظ ” dengan syarat ketiga-tiga huruf ini berbaris atas atau mati, maka lam tersebut bagi bacaan Warsy dibaca dengan taghliz. Hanya riwayat Warsy sahaja yang membaca dengan taghliz huruf lam selain lafzul jalalah.

﴿ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾ ﴾

¹² Maksud *kasrah lazimah* ialah *kasrah* yang tidak terletak pada kalimah berasingan dengan huruf ra' seperti ﴿ مَا كَانَ أَبُوكِ امْرَأَ سَوْءٍ ﴾ dan bukan juga *kasrah 'aridhah* iaitu yang terletak pada *hamzah wasal* seperti

﴿ امْرَأًا ، امْرَأَةً ﴾ .

3.9 Hamzah Mufrad

Hamzah mufrad ialah hamzah tunggal di dalam satu kalimah dan tidak bertemu dengan hamzah yang lain, misalnya; مَاكُولٌ

Keterangan hukum bacaan bagi bab ini adalah berkaitan hamzah mufrad yang mati;

i. Riwayat Warsy

Dibaca dengan ibdal hamzah sakin kepada huruf mad yang bersesuaian dengan baris sebelumnya apabila ia terletak pada kedudukan Fa' al-Kalimah (فاء الكلمة) sama ada pada Isim (kata nama) atau Fi'il (kata perbuatan).

ii. Riwayat al-Susiy dan Qiraat Abu Ja'far

Ibdal hamzah sakin sama ada fa' al-kalimah, ain kalimah atau lam al-Kalimah kecuali kalimah-kalimah yang ditegah daripada ibdal dan beberapa kaedah pengecualian daripada ibdal hamzah mufrad.

iii. Qiraat Hamzah

Mengibdal semua hamzah sakin hanya ketika waqaf sahaja.

3.10 Ha' Al-Dhamir;

Ha' dhamir boleh dibahagikan di sini kepada dua bahagian iaitu ha' dhamir al-mufrad dan ha' dhamir al-Jam'.

Ibnu Kathir sahaja yang membaca silah ha' al-dhamir dengan dua harakat walaupun ha' dhamir terletak selepas huruf mati misalnya ;

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Imam hamzah membaca ha' dhamir al-Jam' bagi perkataan عَلَيْهِمْ dengan baris hadapan samada wasal atau waqaf;

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Manakala imam Ya'qub pula membaca ha' dhamir al-Jam' dengan baris hadapan apabila sebelumnya terdapat ya' sakinah. Misalnya;

وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ﴿٢﴾ تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ﴿٤﴾

3.11. Dua Hamzah dalam satu kalimat

Pada bab ini membincangkan hukum bacaan apabila terdapat dua hamzah dalam satu kalimat. Kedua-dua hamzah yang dimaksudkan dalam bab ini ialah hamzah qata'.

Walaupun bagaimanapun dalam kertas kerja ini hanya diuraikan kalimat ﴿أَرْءَيْتُمْ﴾ atau ﴿أَرْءَيْتَ﴾ sahaja dan ianya diletakkan di bawah hukum dua hamzah yang berbaris di atas walaupun ianya terpisah dengan satu huruf.

- i. **Imam Qalun, Warsy dan Abu Ja'far** : Membaca dengan tashil hamzah yang terletak selepas huruf ra' bagi kalimat ini.

أَرْءَيْتَ

- ii. **Warsy** : Wajah kedua baginya pada kalimat ini ialah dengan diibadikan hamzah yang terletak selepas ra' kepada huruf mad dan dipanjangkan 6 harakat.

أَرْءَيْتَ

- iii. **Al-Kisa'i** : Baca dengan menghazafkan hamzah yang terletak selepas huruf ra'.

أَرْءَيْتَ

- iv. **Selain daripada qiraat dan riwayat di atas**: Membacanya dengan ditahqiqkan hamzah yang terletak selepas huruf ra'¹³.

أَرْءَيْتَ

3.12 Waqaf Pada Kalimat Berhamzah

Huraian hukum waqaf pada kalimat berhamzah di sini adalah sebagai penerangan umum dan menyentuh beberapa keadaan dan kalimat sahaja.

- a. Waqaf pada kalimat ﴿يُرَأَوْنَ﴾ atau seumpamanya iaitu huruf hamzah terletak di tengah kalimat yang didahului huruf mad;
- i. Qiraat Hamzah: Apabila waqaf pada kalimat ini, Mad Muttasil harus dibaca dengan 6 atau 2 harakat berserta ditashilkan huruf hamzah berserta 2, 4 atau 6 harakat pada badal 'aridh lissukun.

¹³ Apabila diwaqafkan pada kalimat ini, **imam Hamzah** mentashilkan huruf hamzah yang terletak selepas huruf ra'.

يُرَأَوْنَ

ii. Selain Hamzah: ditahqiqkan huruf hamzah dan mad muttasil dibaca mengikut kadar mad yang telah dijelaskan.

b. Waqaf pada kalimah **حَاطِعَةٍ** atau seumpamanya iaitu kedudukan huruf hamzah yang berbaris di atas terletak di tengah kalimah selepas huruf berbaris bawah, Imam Hamzah membaca dengan ibdal' huruf hamzah kepada ya'.

c. Waqaf pada kalimah **فَأَغْنَى ... فَأَغْنَى** atau seumpamanya iaitu kedudukan huruf hamzah terletak di tengah kalimah kerana didahului huruf fa' yang merupakan salah satu daripada huruf-huruf za'idah (tambahan). Sekiranya wasal dengan ayat selepasnya maka dibaca dengan tahqiq sahaja.

d. Waqaf pada ayat yang mengandungi dua “ال” bagi qiraat Hamzah adalah seperti berikut ;

Bil	Imam	Wasal	»	Waqaf
		وَلَلْآخِرَةُ	»	الْأُولَى
1.	Khalaf dan	Saktah	»	Saktah
2.	Khallad		»	Naqal
3.	Khallad	Tahqiq	»	Naqal

3.13. Ya' Idhafah

Ya' Idhafah pada istilah qurra' ialah ya' tambahan yang menunjukkan ke atas mutakallim. Berkaitan Ya' Idhafah, ulama' qurra' khilaf padanya samada membariskan dengan baris atas atau mematikannya. Misalnya di dalam surah al-Kafirun ayat keenam ;

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۖ

Keterangan hukum bacaan bagi ya' idhafah pada ayat di atas:

i. Imam Nafi', Hisyam dan Hafs: Baca dengan ya' berbaris atas.

- ii. Al-Bazzi: Baca dengan dua wajah iaitu ya' berbaris atas ﴿وَلِي دِينَ﴾ dan mati ﴿وَلِي دِينَ﴾.
- iii. Selain daripada qiraat dan riwayat di atas : Baca dengan mematikan ya' ﴿وَلِي دِينَ﴾.

3.14 Ya' Za'idah

Ya' al-Zawa'id di sisi Ulama' Qiraat ialah ya' yang ditambah di akhir kalimah dalam pembacaan ke atas rasm mushaf-mushaf 'Uthmaniah. Misalnya kalimah ﴿لَكُمْ دِين﴾ daripada surah al-Kafirun ayat keenam,

﴿لَكُمْ دِين﴾

huraian hukum bacaan seperti berikut ;

- i. Ya'qub : Mengithbatkan ya' za'idah serta mematikannya selepas nun sama ada wasal atau waqaf ﴿... دِين﴾
- ii. Selain Ya'qub : Baca dengan tanpa ya' sama ada wasal atau waqaf.

4.0 Penutup

Kesimpulannya, analisis perbezaan qirā'āt dalam Surah al-Fātiḥah dan surah lazim (ad-Ḍuḥā hingga an-Nās) melalui tinjauan metodologi Qirā'āt Sepuluh telah menunjukkan bahawa setiap perbezaan bacaan berpunca daripada kaedah dan prinsip bacaan para imam (usul qirā'āt) yang sahih dan mutawātir. Kefahaman terhadap metodologi qirā'āt bukan sahaja penting dari sudut akademik, tetapi juga memberi manfaat praktikal dalam memperkukuh bacaan al-Qur'ān dalam amalan harian umat Islam. Dengan memahami metodologi ini, para pembaca dapat menghargai kepelbagaian bacaan al-Qur'ān sambil mengekalkan kesahihan dan konsistensi bacaan mengikut disiplin ilmu qirā'āt.

